



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2020

PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA  
2013 - 2025





# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN TAHUNAN

# 2020

### PRAKATA

- Ketua Setiausaha  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

### PENDAHULUAN

- Pelaksanaan Inisiatif PPPM Tahun 2020

### BAB 1 MENINGKATKAN AKSES DALAM PENDIDIKAN

- 1.1 Peningkatan Akses Daripada Prasekolah hingga Menengah Atas 11  
1.2 Program Pendidikan Pintar Cerdas 15

### BAB 2 MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN

- 2.1 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu 19  
2.2 Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris 23  
2.3 Pengukuhan Pendidikan STEM 27  
2.4 Pembudayaan KBAT dalam PAK21 31  
2.5 Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta 38  
2.6 Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) 42  
2.7 Pemerkasaan Institusi Pendidikan 46  
2.8 Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) 51

### BAB 3 MENINGKATKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

- 3.1 Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi 57  
3.2 Program Transformasi Daerah (DTP) 61  
3.3 Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan Bagi Murid Berkeperluan Khas 65

### BAB 4 MEMBANGUNKAN NILAI, SAHSIAH DAN PERPADUAN MURID MELALUI PENDIDIKAN

- 4.1 Pembangunan Nilai, Sahsiah dan Perpaduan di Sekolah 70

### BAB 5 MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM PENDIDIKAN

- 5.1 Penyediaan Infrastruktur Asas di Semua Sekolah 75  
5.2 Pembentukan Saksama Bagi Bantuan Persekolahan KPM 78  
5.3 Pelaksanaan Transformasi ICT dan Peningkatan Pengurusan Data KPM 81

### BAB 6 RINGKASAN PENCAPAIAN SEPANJANG GELOMBANG 2

- 6.1 Akses 85  
6.2 Kualiti 86  
6.3 Ekuiti 90  
6.4 Perpaduan 92  
6.5 Kecekapan 93

### FUNGSI DAN PERANAN PADU

- Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

### GLOSARI

2  
3

5

6

10

18

56

69

84

85

86

90

92

93

96

97

100



## DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF

KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# PRAKATA

Sistem pendidikan yang baik berupaya menghasilkan sumber manusia bertaraf dunia yang juga akan menyumbang kepada pembangunan negara. Kementerian menggalas tanggungjawab ini dan memperkuatkannya lagi komitmen tersebut melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam memastikan pendidikan yang berkualiti diberikan kepada setiap murid di Malaysia supaya mereka menjadi modal insan yang berupaya menyumbang ilmu dan kemahiran serta berdaya saing di peringkat global.

Kementerian telah memulakan transformasi pendidikan Gelombang 1 dengan memberi tumpuan kepada pengukuhan keberkesanan sistem penyampaian dan telah berjaya menunjukkan keberhasilan yang ketara. Dalam Gelombang 2, Kementerian telah meneruskan lagi usaha bagi memastikan peningkatan sistem dapat dipercepatkan. Matlamat utama Kementerian adalah untuk memastikan semua sekolah dilengkapi dengan infrastruktur asas, kemudahan dan teknologi bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada murid untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Sebanyak 773 sekolah daif di seluruh Malaysia telah dikenal pasti untuk dinaik taraf, dan bilangan sekolah telah dilengkapi dengan capaian internet berjulur lebar juga telah meningkat kepada 10,207 buah sekolah.

Platform pembelajaran digital DELIMa (*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*) juga telah dilancarkan pada tahun 2020 sebagai satu pelantar sehenti untuk semua keperluan pendidikan digunakan dengan meluas oleh murid dan guru. Pencapaian ini tiba tepat pada masanya bagi menampung dan menyokong pelaksanaan pembelajaran jarak jauh (*remote learning*) yang perlu diperluaskan akibat penularan Covid-19. Dengan penutupan sekolah dan pembelajaran dilaksanakan secara pembelajaran jarak jauh (*remote learning*) Kementerian juga telah mengeluarkan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi membantu guru dalam melaksanakan PdPR sebagai alternatif pembelajaran norma baharu. Guru boleh menggunakan mod pembelajaran secara dalam talian (*online*), luar talian (*offline*) dan luar kawasan (*offsite*).

Meningkatkan kecekapan juga bermaksud membuat pelaburan yang bijak

berkesan dalam pendidikan untuk mengembangkan modal insan yang akan dapat membantu membangunkan ekonomi negara. Bersandarkan kepada mandat ini, setiap inisiatif yang dilaksana perlu menunjukkan pulangan yang setanding pelaburan yang dibuat. Untuk menyempurnakan maksud itu, pada tahun 2020 Kementerian telah mula melaksanakan autonomi dalam pengurusan bantuan persekolahan umum KPM mula dilaksanakan di 937 sekolah. Kementerian berharap akan dapat meneruskan pemberian autonomi kepada sekolah bagi mengoptimalkan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima untuk tahun-tahun mendatang.

Melangkah masuk ke Gelombang 3 (2021 - 2025) semasa krisis penularan Covid-19 turut menjadikan kesihatan dan kesejahteraan semua, Kementerian perlu kekal komited dan usaha perlu diteruskan lagi bagi menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi. Semua sekolah, guru dan pengetua/guru besar perlu menunjukkan prestasi melebihi standard minimum. Untuk mencapai hasrat ini, Kementerian akan terus memupuk budaya kepimpinan rakan setugas bagi pembangunan kecemerlangan profesional, di samping menganjukkan kebanyakan sekolah kepada model pengurusan berdasarkan sekolah dan membangunkan model kejayaan sekolah berdasarkan inovasi dalam pengajaran. Kita perlu terus mengharungi segala cabaran yang mendarat dengan bersifat *agile* serta berinovasi. Hanya dengan cara tersebut kita akan mampu memecahkan segala halangan demi melaksanakan transformasi sistem pendidikan yang kompleks dengan berkesan. Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga Kementerian yang telah sama-sama menjayakan perjalanan transformasi yang masih berbaki 5 tahun ini. Semoga dengan segala usaha dan kerjasama yang berterusan, kita akan berjaya mencapai kejayaan besar seperti yang diaspirasikan dalam PPPM 2013-2025.



## DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# PRAKATA

Komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk memastikan sistem pendidikan negara sentiasa memberi pendidikan yang terbaik demi menjamin keberhasilan modal insan yang berkualiti. Pendidikan berupaya mendorong pertumbuhan ekonomi secara jangka panjang, memberi ruang kepada inovasi, memperkuatkukan institusi, di samping memupuk perpaduan sosial (Laporan World Bank, 2020). Justeru, bagi mencapai matlamat ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan aspirasi yang ingin dicapai bagi melestarikan kemajuan pendidikan dan menjadikan Malaysia sebuah negara membangun.

Tahun 2020 merupakan tahun yang paling mencabar dalam pelaksanaan PPPM 2013-2025 apabila seluruh dunia dikejutkan dengan krisis penularan Covid-19. Impak daripada cabaran tersebut tidak hanya menjelaskan sektor kesihatan, malah memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan sehari-hari semua. Institusi pendidikan juga terkesan apabila terpaksa ditutup demi menjaga keselamatan warganya. Namun, dalam menangani krisis tersebut, Kementerian tetap komited mendepani cabaran dengan mengambil pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Di samping itu, impak yang dialami telah dijadikan sebagai penyuntik semangat dalam menjadikannya sesuatu yang positif dan ini dibuktikan melalui pendekatan yang diambil untuk meneruskan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Jika sebelum ini, platform digital hanya digunakan sesetengah pendidik sebagai sokongan kepada proses pembelajaran, para guru kini tiada lagi pilihan selain menggunakan pelbagai kaedah dan platform bagi memastikan kelangsungan pendidikan anak murid mereka dan melestarikan agenda pendidikan negara. Jika sebelum ini tanggungjawab mendidik terletak di bahu guru di institusi pendidikan, kini para ibu bapa juga telah menggalas tanggungjawab tersebut bagi menyokong keberkesanan proses pembelajaran yang kini mengambil tempat di kediaman mereka. Dengan kata lain, kita tidak lagi boleh selesa dengan norma kehidupan yang sama sebelum penularan ini berlaku tetapi perubahan perlu dilakukan bagi memastikan segala tindakan yang diambil adalah lebih efisien dan berkesan.

Melalui penambahbaikan yang telah dilakukan pada tahun 2020, Kementerian telah berusaha memastikan akses kepada pendidikan berkualiti yang saksama dan terangkum kekal menuju enrolmen sejagat seperti yang ditekankan dalam anjakan 1 PPPM 2013-2025. Namun, disebabkan pandemik Covid-19, terdapat sedikit penurunan pada setiap peringkat persekolahan berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 2.2% untuk prasekolah, 0.5% untuk peringkat menengah rendah dan 1.2% bagi peringkat menengah atas. Hanya enrolmen bagi murid di peringkat rendah sahaja yang tidak mengalami penurunan malah telah meningkat daripada 98.1% pada tahun 2019 kepada 98.2% pada tahun 2020. Di samping itu, enrolmen bagi pendidikan vokasional juga telah meningkat kepada 6.11% berbanding tahun 2019 di mana kadar enrolmen hanyalah pada tahap 4.60%. Bilangan murid berkeperluan khas dalam pendidikan inklusif juga telah meningkat lebih dua kali ganda daripada 30.26% pada tahun 2016 kepada 71.84% pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, enrolmen bagi murid Orang Asli yang telah menunjukkan peningkatan sepanjang Gelombang 2, telah sedikit terjejas dan menurun kepada 81.4% pada tahun 2020 berbanding 86.3% pada tahun 2016.


Bagi memastikan ekuiti dicapai, Kementerian beriltizam mengecilkan jurang pencapaian murid tanpa mengira kedudukan geografi, gender atau latar belakang sosioekonomi mereka. Sehingga tahun 2020, jurang pencapaian di antara murid bandar dan luar bandar telah merapat sebanyak 37.7%, iaitu daripada jurang sebanyak 0.61 pada tahun 2013 kepada hanya 0.38 pada tahun 2020. Jurang peratus layak sijil SPM mengikut jantina juga telah merapat sebanyak 8.89% sepanjang Gelombang 2, bermula dengan jurang 12.6 pada tahun 2017 kepada 9.7 pada tahun 2020. Di samping itu, jurang pencapaian mengikut status sosioekonomi juga telah menunjukkan pencapaian yang positif dengan pengecilan sebanyak 0.22%. Namun jurang ini dikhawatir akan semakin melebar terutama sekali sejak berlakunya penularan pandemik Covid-19 yang telah menjelaskan sektor ekonomi negara. Justeru, cabaran utama Kementerian dalam tahun mendatang adalah memastikan sistem pendidikan tetap adil dan saksama untuk semua murid.

Dalam mempercepat peningkatan kualiti pendidikan pula, Kementerian telah memperbanyakkan latihan dalam mengupayakan guru supaya proses pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan lancar. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) juga telah diupayakan untuk mengenal pasti isu pembelajaran di kalangan sekolah dan menyediakan intervensi berdasarkan konteks contohnya intervensi terbeza telah dilaksana terutamanya bagi mata pelajaran wajib lulus SPM iaitu Bahasa Melayu dan Sejarah. Guru-guru juga telah diberi bimbingan supaya pengajaran lebih berkesan bagi mata pelajaran tersebut di samping mata pelajaran teras lain seperti Bahasa Inggeris dan Matematik. Hasil intervensi tersebut telah berjaya meningkatkan bilangan calon yang layak sijil SPM sebanyak 2% kepada 88.7% pada tahun 2020 berbanding 86.7% pada tahun 2019. Bilangan calon Murid Berkeperluan Khas yang layak sijil SPM juga telah meningkat daripada 61.3% pada tahun 2019 kepada 68.2% pada tahun 2020. Kemajuan yang telah dicapai membuktikan komitmen Kementerian dalam menilai semula strategi sesuai dengan keadaan semasa bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Dengan bermulanya Gelombang 3 (2021-2025), Kementerian perlu mengoptimumkan segala usaha dan sumber bagi mencapai aspirasi PPPM dalam jangka masa yang ditetapkan. Kita harus merangkul segala perubahan yang sedang dialami dan meningkatkan momentum transformasi ini dengan komitmen daripada semua pihak. Hanya dengan cara ini, kita akan dapat meneraju perubahan bagi mencapai aspirasi yang diharatkannya dalam PPPM 2013-2025.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga Kementerian, khusus untuk semua guru, pemimpin sekolah, pegawai di barisan hadapan dan pihak berkepentingan di atas ketabahan dan komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi ke arah perubahan pendidikan demi kepentingan anak-anak kita. Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua ibu bapa, komuniti dan sektor swasta yang telah memberi kerjasama dalam menyokong kejayaan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.





# PENDAHULUAN

## PELAKSANAAN INISIATIF PPPM TAHUN 2020

- Harapan KPM dan Aspirasi PPPM 2013-2025
- Inisiatif PPPM Tahun 2020
- Cabaran Baharu Pandemik Covid-19 Telah Mengubah Strategi Pelaksanaan Inisiatif PPPM Tahun 2020
- Mendepani Cabaran Baharu Dalam Gelombang 3

Sebanyak **17 inisiatif PPPM** telah dilaksanakan pada tahun 2020 yang merangkumi 12 inisiatif utama dan 5 inisiatif sokongan



## HARAPAN KPM DAN ASPIRASI PPPM 2013-2025

Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir semua perkara berkaitan pendidikan negara dari pendidikan prasekolah hingga ke menengah atas. Kementerian yang dipimpin oleh Menteri Pendidikan bermatlamat untuk menyediakan peluang kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang akan membentuk rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan dan bersatu padu.

Melalui pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian berharap dapat mencapai segala aspirasi yang telah dirancang melalui lima aspirasi sistem iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan.

*'Malaysia perlu melakukan transformasi sistem pendidikan asas untuk membolehkan negara merealisasikan aspirasi dan memenuhi keperluan modal insan pada masa hadapan. Suatu transformasi besar sistem pendidikan diperlukan untuk menzahirkan cita-cita dan aspirasi negara. Transformasi ini akan berdasarkan objektif yang bersasaran dan jelas serta mencerminkan keperluan negara bagi melahirkan individu berbakat, di samping mempertimbangkan keunikan konteks dan kekuatan Malaysia.'*

(PPPM, m.s 2-1)



# Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

(Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)





## INISIATIF PPPM TAHUN 2020

Pada tahun 2020, sebanyak **17 inisiatif** telah dilaksanakan bagi mendukung setiap sistem aspirasi. Setiap inisiatif tersebut diterajui oleh bahagian yang bertanggungjawab dan menterjemahkan inisiatif tersebut melalui aktiviti atau program dengan sasaran yang telah ditetapkan. Senarai yang berikut merupakan inisiatif yang telah dilaksanakan mengikut sistem aspirasi sepanjang tahun 2020.

### Akses

Dua inisiatif yang bermatlamat untuk mencapai 100 peratus enrolmen merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020 telah dilaksanakan. Inisiatif tersebut adalah seperti yang berikut:

- Peningkatan Akses daripada Prasekolah hingga Menengah Atas
- Program Pendidikan Pintar Cerdas

### Kualiti

Bagi mencapai matlamat menempatkan negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun, sebanyak lapan (8) inisiatif telah dilaksana:

- Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu
- Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris
- Pengukuhan Pendidikan STEM
- Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad ke-21

- Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta dalam Pendidikan
- Pemanfaatan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)
- Pemerkasaan Insitut Aminuddin Baki dan Institut Pendidikan Guru
- Pelaksanaan Program Penguasaan Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN)

### Ekuiti

Dalam memastikan kesamarataan peluang pendidikan berkualiti tanpa mengira etnik, tempat atau latar belakang sosio ekonomi, PPPM telah mensasarkan 50% pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosioekonomi, jantina) menjelang tahun 2020, melalui tiga (3) inisiatif berikut:

- Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi
- Pelaksanaan Program Transformasi Daerah
- Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas

### Perpaduan

Memupuk perpaduan negara merupakan aspirasi utama Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dengan kepelbagaian kaum. Aspirasi perpaduan bermatlamat menjadikan sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian. Inisiatif yang dilaksana bagi tujuan ini adalah:

- Pembangunan Nilai, Sahsiah dan Perpaduan di Sekolah



### Kecekapan

Matlamat utama aspirasi ini adalah mencapai sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada. Tiga (3) inisiatif yang telah dilaksana bagi mendukung aspirasi ini adalah:

- Penyediaan Infrastruktur Asas di Semua Sekolah
- Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekutuan KPM
- Pelaksanaan Transformasi ICT dan Peningkatan Pengurusan Data KPM

## CABARAN BAHARU PANDEMIK COVID-19 TELAH MENGUBAH STRATEGI PELAKSANAAN INISIATIF PPPM TAHUN 2020

Pada penghujung Gelombang 2 PPPM 2013-2025, dalam usaha KPM memacu peningkatan sistem, seluruh dunia telah dikejutkan dengan satu cabaran besar yang telah mengubah segala aspek kehidupan manusia, termasuk bidang pendidikan. Kesan daripada pandemik tersebut bukan sahaja telah menjelaskan kesihatan awam secara serius, malahan ia juga memberi impak yang besar kepada kesejahteraan murid serta keluarga mereka terutamanya kerana kekangan aktiviti ekonomi dan sosial secara umumnya.

Dengan kemunculan pandemik yang memaksa kepada perubahan dalam kehidupan seharian yang membawa kepada normal baharu, Kementerian telah mencari kaedah atau

pendekatan alternatif dalam merancang dan melaksanakan inisiatif, untuk mencapai hasil yang diharapkan rakyat melalui PPPM.

Permulaan pandemik juga pada awalnya telah memberi kesan terhadap pelaksanaan transformasi sistem pendidikan negara terutamanya disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah membataskan pergerakan semua sektor dan menyebabkan insitusi pendidikan terpaksa ditutup. Namun demi memastikan kelancaran transformasi pendidikan melalui pelaksanaan inisiatif PPPM, Kementerian telah mengambil langkah proaktif dan mengubah strategi pelaksanaan.

Antara perubahan utama yang telah diambil adalah membudayakan pendigitalan dalam aktiviti harian sebagai normal baharu. Ini merangkumi pelaksanaan proses Pembelajaran dan Pengajaran dari Rumah (PdPR), bekerja dari rumah (BDR), segala aktiviti yang memerlukan pelibatan ramai seperti mesyuarat, latihan, serta bengkel, dan juga pentaksiran. Walaupun terdapat pelbagai kekangan yang dilalui pada mulanya kerana cabaran yang tidak pernah dihadapi ini, Kementerian terus tangkas dan teguh memperkuuh pelbagai kaedah pengajaran, pembelajaran, latihan, kemahiran dan kecekapan yang akan menyokong transformasi sistem pendidikan negara.

Dengan kerjasama dan sokongan semua pihak terutamanya pihak yang berkepentingan, Kementerian telah berjaya melalui tahun 2020 dengan pencapaian yang agak



membanggakan seperti dalam laporan ini. Walaupun ada sasaran yang tidak tercapai, namun yang penting pelaksanaan transformasi pendidikan masih di atas landasan yang betul dan pengalaman yang diperolehi telah memberi idea baharu dalam menambah baik strategi di masa akan datang khususnya dalam Gelombang 3 yang bermula pada tahun 2021.

## MENDEPANI CABARAN BAHARU DALAM GELOMBANG 3

Pengalaman berhadapan dengan cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19 telah mengukuhkan persepsi bahawa keluwesan operasi amat penting dalam memastikan kelancaran perancangan inisiatif PPPM. Walaupun PPPM masih menjadi kiblat utama dalam transformasi sistem pendidikan negara, pelaksanaannya perlu seiring dengan keadaan semasa.

Usaha memastikan murid tidak ketinggalan dalam aspek pendidikan walaupun dalam keadaan pandemik yang tidak menentu, tumpuan akan diberikan terhadap sokongan yang diperlukan murid, guru dan pemimpin sekolah khususnya bagi mencapai objektif pendidikan seperti yang tertera dalam PPPM 2013-2025.





# BAB 1

## MENINGKATKAN **AKSES** DALAM PENDIDIKAN

Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025  
muka surat E-9*

Inisiatif yang dilaksanakan bagi **aspirasi AKSES:**



**1.1 PENINGKATAN AKSES DARIPADA PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS**



**1.2 PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS**



## 1.1 PENINGKATAN AKSES DARIPADA PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS



### PENGENALAN

Salah satu aspirasi utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada semua kanak-kanak di Malaysia tanpa mengira lokasi, latar belakang sosio ekonomi, etnik dan jantina. Kementerian berlitzam bagi mencapai enrolmen sejagat daripada peringkat prasekolah hingga menengah atas. Kadar enrolmen ini merentasi semua jenis sekolah, institusi pendidikan, pusat latihan dan kemahiran (awam, swasta dan vokasional).

Kualiti sistem pendidikan di Malaysia merangkumi pelbagai dimensi yang boleh ditaksir bagi menghasilkan kemenjadian murid dalam pelbagai aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Penyediaan kesamaratan akses pendidikan juga bermakna menyediakan akses dan kualiti pendidikan dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan vokasional. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan vokasional serta memberi pendedahan kepada masyarakat melalui pelbagai program dan aktiviti bagi membolehkan murid yang cenderung kemahiran berpeluang menikmati akses kualiti pendidikan ke tahap tertinggi.

### FOKUS 2020


1. Peningkatan peratus enrolmen prasekolah
2. Peningkatan peratus enrolmen menengah atas
3. Peningkatan peratus enrolmen pendidikan vokasional
4. Penurunan peratus keciciran murid





# PENCAPAIAN

## ENROLMENT SEMUA PERINGKAT PENDIDIKAN



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

## PERATUS ENROLMENT PRASEKOLAH 4+ DAN 5+



### Peningkatan Peratus Enrolmen Prasekolah

Pandemik Covid-19 telah memberi kesan yang ketara kepada kadar penyertaan kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada tahun 2020.

Terdapat sedikit penurunan bagi peratus capaian enrolmen bagi kohort umur 5+ berbanding tahun 2019 daripada 90.97% (467,634) kepada 90.18% (478,452). Walau bagaimanapun, jika dikira dari segi kuantiti, terdapat peningkatan jumlah enrolmen sebanyak 10,818 bagi tahun 2020 bagi kohort umur 5+. Bagi murid yang berada dalam kohort umur 4+, data telah menunjukkan pengurangan enrolmen kanak-kanak yang ketara iaitu sebanyak 29,370 iaitu dengan capaian sasaran sebanyak 76.65% (400,650) berbanding 80.67% (430,020) pada tahun 2019.



# PENCAPAIAN

## Peningkatan Peratus Enrolmen Pendidikan Vokasional

Pada tahun 2020, terdapat peningkatan enrolmen TVET kepada 6.11% (22,873). Enrolmen tersebut merangkumi 70% (15,993) pelajar mengikuti program TVET di 87 Kolej Vokasional (KV), 423 Murid Berkeperluan Khas (MBK) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), 4,069 pelajar Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan seramai 211 pelajar program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) di 374 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

Kerjasama strategik awam-swasta yang berfokus kepada kualiti kemenjadian lepasan TVET KPM adalah antara inisiatif yang diperkasakan bertujuan memperluas dan mengarusperdanakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Pelaksanaan program rintis kerjasama awam-swasta seperti IBM (M) Sdn. Bhd. dan McDonalds' Malaysia dan KPM adalah antara peluang pembangunan kerjaya kepada lepasan TVET KPM.

## PERATUS MURID CICIR

Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
0.10	2020 1.13
0.12	2019 1.14
0.15	2018 1.21
0.29	2017 1.36
0.36	2016 1.50


Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

## Penurunan Peratus Keciciran Murid

Walaupun secara amnya kadar enrolmen telah menurun bagi setiap peringkat persekolahan dari prasekolah sehingga menengah atas, kadar keciciran sebaliknya telah menunjukkan penurunan bagi kedua-dua peringkat sekolah rendah dan menengah.

Outreach Program Sifar Murid Cicir (PSMC) yang dilaksanakan semasa pandemik Covid-19 secara berfokus pada tahun 2020 telah berjaya mengurangkan kadar keciciran.

## PERATUS ENROLMEN 15+ ALIRAN VOKASIONAL



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan



## MELANGKAH KE HADAPAN

### Meningkatkan Bilangan Enrolmen Murid

- Bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, NGO dan pihak yang berkepentingan dalam **mengenal pasti keberadaan murid-murid** menengah atas.

- **Mengadaptasi budaya amalan terbaik** dari negeri, daerah atau sekolah yang berjaya mengekalkan murid-muridnya hingga tamat persekolahan dengan pencapaian sahsiah dan akademik yang membanggakan.

### Meningkatkan Enrolmen dalam Bidang TVET

- Tumpuan akan diberikan terhadap **kualiti kemenjadian graduan TVET** agar dapat menarik lebih ramai murid ke aliran TVET. Penambahan baikan prasarana di institusi TVET juga akan dilaksana.
- **Peningkatan enrolmen TVET** semasa pandemik Covid-19 membuktikan bidang teknikal dan vokasional semakin mendapat perhatian dan akan dapat membangunkan modal insan berkualiti yang berpengetahuan dan berkemahiran terkini untuk meningkatkan kemajuan negara dan taraf hidup rakyat.


### Pengurangan Kadar Keciciran Murid

Memperhebatkan lagi Outreach Program Sifar Murid Cicir (PSMC) serta intervensi dengan melibatkan lebih **banyak komuniti setempat dan agensi luar** yang berkaitan bagi membantu **menyampaikan mesej kepentingan pendidikan** serta intervensi berfokus dilaksana ke atas murid cicir atau berisiko cicir akibat terkesan dengan pandemik Covid-19.





## 1.2 PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS



### PENGENALAN

Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) merupakan inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar murid Pintar Cerdas (PC) mendapat akses kepada pembelajaran khusus dan luwes daripada pakar dalam memperkembangkan lagi potensi mereka secara optimum. Murid-murid pintar cerdas merupakan kumpulan murid berkeperluan khusus (1% teratas). Murid ini memiliki serta menunjukkan potensi dan pencapaian yang sangat menyerlah melebihi murid sebaya dalam satu aspek sama ada intelek, kreativiti, kemahiran, kerohanian atau gabungan aspek tersebut melalui satu atau lebih disiplin ilmu atau bakat tertentu. Sokongan diperlukan bagi memastikan kumpulan ini mencapai potensi mereka.

### FOKUS 2020

1. Pemeteraian *Memorandum of Agreement* (MoA) diantara KPM dan UKM selesai
2. Persediaan pelaksanaan Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) pertama di SMS Pendang, Kedah pada tahun 2021





# PENCAPAIAN

## PERSEDEIAAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS (PPPC) PERTAMA DI SMS PENDANG, KEDAH PADA TAHUN 2021

**Sekolah Menengah Sains Pendang, Kedah telah dipilih sebagai sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC)**



Gambar: Facebook SM Sains Pendang

Bagi memastikan PPPC dapat dilaksana pada tahun 2021, Kementerian telah memberi tumpuan terhadap pencarian premis PPPC yang sesuai, murid pintar cerdas kohort pertama dan guru yang bakal berkhidmat di PPPC tersebut.

- Senarai nama **70 orang murid pintar cerdas** yang layak ditawarkan untuk mengikuti PPPC telah dimuktamadkan
- Proses pencarian guru untuk mengikuti latihan
  - Promosi melalui aplikasi WhatsApp
  - Pemakluman ke sekolah
- Pihak UKM telah melengkapkan **latihan 580 jam** kepada **31 jurulatih utama (JU) dan guru** yang berpotensi untuk ditempatkan di SMS Pendang.



### PEMETERAIAN MEMORANDUM OF AGREEMENT (MoA) DI ANTARA KPM DAN UKM PADA TAHUN 2020


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*



## MELANGKAH KE HADAPAN



### Pengoperasian PPPC Kohort Pertama

PPPC akan mula beroperasi di SMS Pendang dengan pengambilan pertama seramai 70 orang pada bulan **April 2021** dengan kerjasama antara pihak KPM dan Pusat GENIUS@Pintar Negara mulai 2021 hingga 2025.

### Latihan dan Perkongsian Ilmu

Kerjasama jangka masa panjang ini penting supaya **transfer of knowledge** dalam **pengendalian PPPC** kepada Kementerian oleh pakar daripada Pusat GENIUS@Pintar Negara berlaku dengan jayanya.

### Pencarian Murid Pintar Cerdas

Pencarian murid pintar cerdas akan diteruskan bagi meningkatkan **enrolmen murid pintar cerdas** di SMS Pendang. KPM akan memastikan lebih ramai murid di seluruh Malaysia menduduki ujian saringan UKM melalui sebaran maklumat dan akses kepada ujian tersebut yang meluas.



## BAB 2

# MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN

Semua kanak-kanak akan berpeluang mendapat pendidikan cemerlang berdasarkan keunikan sistem pendidikan di Malaysia, dan setanding dengan sistem terbaik antarabangsa.

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-10*

Inisiatif yang dilaksanakan bagi **aspirasi KUALITI:**



**2.1 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**



**2.2 PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS**



**2.3 PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM**



**2.4 PEMBUDAYAAN KBAT DALAM PAK21**



**2.5 PELIBATAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SWASTA**



**2.6 PEMANTAPAN PROFESIONALISME PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)**



**2.7 PEMERKASAAN INSTITUSI PENDIDIKAN**



**2.8 PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI SEKOLAH RENDAH (PLaN)**



## 2.1 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU



### PENGENALAN

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam pendidikan terus diperkuuh sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan. Pelbagai aktiviti telah dirancang bagi meneruskan kesinambungan aktiviti pemartabatan pendidikan bahasa Melayu. Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2020 ialah

- Penataran KSBM sebagai dokumen rujukan penyetaraan kompetensi Bahasa Melayu telah dijalankan kepada pegawai KPM bagi meningkatkan pemahaman mengenai pembangunan kurikulum dan pentaksiran bahasa Melayu. Pada tahun 2020, kurikulum, instrumen dan penskoran berdasarkan KSBM telah dibina. Penyelidikan berterusan berkaitan dengan KSBM diadakan bagi memantapkan kandungan KSBM.
- Pelaksanaan kursus pembangunan profesionalisme pedagogi terbeza (PT) bagi guru bahasa Melayu di semua sekolah telah dijalankan. Pedagogi terbeza merupakan transformasi pengajaran bagi memberi peluang pembelajaran yang sama rata dalam kalangan murid tanpa mengikut pencapaian akademik semata-mata. Guru telah dibimbing untuk melaksanakan pdp berdasarkan pola Pengajaran Terbeza dan menggunakan aplikasi digital untuk menghasilkan pedagogi mantap dan berkesan.
- Pelaksanaan kit sokongan BM dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum serta modul pedagogi bersemuka bertujuan untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi pengajaran bahasa Melayu bagi membantu guru meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid.

### FOKUS 2020

1. Peningkatan kompetensi dan pedagogi terkini guru BM (kurikulum, pentaksiran, kokurikulum, Pembangunan Profesional Berterusan (PPB) serta Penyelidikan dan Inovasi) untuk meningkatkan pencapaian murid secara holistik.
2. Pemantapan kandungan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) melalui penyelidikan dan menyebar luas KSBM dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).





# PENCAPAIAN

**4,832 guru mata pelajaran Bahasa Melayu** telah menerima latihan peningkatan kemahiran pedagogi melalui program-program profesionalisme di bawah inisiatif

1. Program Kursus Pembangunan Profesionalisme Pedagogi Terbeza	<b>410 Peserta</b>
2. Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu (PAKM)	<b>160 Peserta</b>
3. Program Belajar Secara Intensif Eja, Baca Ikut Kemampuan Bahasa Melayu (BIJAK BM)	<b>240 Peserta</b>
4. Kit Sokongan BM Sekolah Rendah	<b>40 Peserta</b>
5. Kit Sokongan BM Sekolah Menengah	<b>40 Peserta</b>
6. Penataran Format Baharu Mata Pelajaran BM dan Kesusasteraan Komunikatif	<b>2,661 Peserta</b>
7. Bimbingan Pedagogi di Sekolah DLP	<b>175 Peserta</b>
8. Profesionalisme Guru BM SPK dan Program Pendidikan Khas Integrasi	<b>203 Peserta</b>
9. Program Interaktif Kemahiran BM (PIKeBM)	<b>903 Peserta</b>

**Jumlah: 4,832 Peserta**

## Peningkatan Kompetensi dan Pedagogi Terkini Guru BM Untuk Meningkatkan Pencapaian Murid Secara Holistik


- Kebanyakan kursus Pembangunan Profesional Berterusan (PPB) yang dirancang secara bersemuka terpaksa dilaksanakan secara dalam talian ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- Instrumen penilaian diberikan kepada guru yang menghadiri kursus PPB untuk mengukur dan menilai keberkesanan PdP.
- Beberapa tajuk penyelidikan KSBM yang melibatkan kaedah lapangan diubah kepada kaedah analisis dokumen dan ada juga yang melibatkan kaedah secara dalam talian.
- Penyelidikan berkaitan isu kesejarahan KSBM akan dilaksana pada tahun 2021 bagi merungkaikan kekusutan dalam pemahaman tentang KSBM.



# PENCAPAIAN



## PERATUS MURID YANG MENCAPAI KEPUJIAN DALAM SPM BAHASA MELAYU



Sumber: Lembaga Peperiksaan



## MELANGKAH KE HADAPAN

### Penyebarluasan KSBM Kepada Semua

Penataran tentang konsep dan kegunaan KSBM akan dihebahkan kepada khalayak pengguna bahasa Melayu melalui:

- media komunikasi maya,
- iklan-iklan di radio dan televisyen,
- tayangan video dalam program-program pemartabatan pendidikan Bahasa Melayu, dan
- brosur bercetak dan digital.



### Pemantapan Kandungan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) Melalui Penyelidikan

Penyelidikan berkaitan KSBM akan diperhebat dengan melaksanakan penyelidikan yang lebih signifikan dengan kandungan KSBM untuk memantapkannya. Aktiviti yang dirancang adalah:

- mengkaji kesesuaian deskriptor KSBM untuk pembangunan instrumen
- mengkaji tahap kepuasan pelanggan terhadap kegunaan KSBM, dan
- memuat naik dapatan penyelidikan KSBM dalam laman sesawang KPM.

### Peningkatan Kompetensi dan Pedagogi Terkini Guru BM Untuk Meningkatkan Pencapaian Murid Secara Holistik

Program-program peningkatan pedagogi guru bahasa Melayu juga akan ditambah baik supaya mereka mendapat pendedahan tentang teknik dan strategi baharu dalam PdP bahasa Melayu yang relevan dengan situasi semasa. Keberkesanannya teknik baharu dalam PdP atau PdPR akan memberi impak yang besar kepada penguasaan bahasa Melayu murid.





## 2.2 PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS



### PENGENALAN

Kementerian meneruskan usaha untuk memperkuuh Pendidikan Bahasa Inggeris (BI) supaya tahap penguasaan BI dalam kalangan murid dapat ditingkatkan berdasarkan piawaian antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) sejajar dengan Aspirasi Murid yang terkandung dalam PPPM 2013-2025.

### FOKUS 2020

1. Peningkatan penguasaan bahasa Inggeris murid untuk mencapai sasaran yang diaspirasikan berdasarkan piawaian antarabangsa CEFR.
2. Penghasilan modal insan yang mahir berbahasa Inggeris bagi meningkatkan kebolehpasaran di peringkat global.
3. Peningkatan kompetensi guru opsyen Bahasa Inggeris sehingga mencapai sekurang-kurangnya tahap penguasaan CEFR C1.





# PENCAPAIAN

## PERATUS LULUS MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS BAGI SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)



Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris Murid Untuk Mencapai Sasaran Yang Diaspirasikan Berdasarkan Piawaian Antarabangsa CEFR

## Penghasilan Modal Insan Yang Mahir Berbahasa Inggeris Bagi Meningkatkan Kebolehpasaran di Peringkat Global

### BILANGAN SEKOLAH YANG MELAKSANAKAN DLP

<b>2020</b>	<b>2,259 sekolah</b>
<b>2019</b>	1,357 sekolah
<b>2018</b>	1,367 sekolah
<b>2017</b>	1,215 sekolah
<b>2016</b>	379 sekolah



### Nota:

Keberkesanannya DLP tidak dapat diukur pada penghujung tahun 2020 kerana kebanyakan sekolah DLP tidak dapat melaksana Peperiksaan Akhir Tahun semasa PKP.



### PERATUS SEKOLAH YANG MELAKSANAKAN HIP BERJAYA MENCAPAI TAHAP 3 DAN KE ATAS PADA SKALA IMERSIF HIP



Sumber: English Language Teaching Centre

Sumber: Lembaga Peperiksaan



## PENCAPAIAN



Common European Framework of Reference for Languages

**53.2%**

(17,558 daripada 33,024) guru opsyen yang telah menduduki ujian profisiensi BI mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1

Sumber: English Language Teaching Centre

### Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS)

Bengkel PPKBIS untuk **131 orang guru BI** pada tahun 2020 dijalankan secara dalam talian sepenuhnya melalui **platform Schoology** berikutan penguatkuasaan PKP akibat daripada penularan pandemik Covid-19.

### Peningkatan Kompetensi Guru Opsyen Bahasa Inggeris Sehingga Mencapai Sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan CEFR C1

- Aktiviti yang dirancang secara bersemuka ditukar kepada dalam talian kecuali lawatan bimbingan yang berjaya dilaksanakan selepas penamatkan PKP pada bulan Ogos dan September.
- **Pelaporan** dikurangkan kepada **setahun sekali** berbanding kebiasaan 2 kali setahun.
- **Alat penilaian** telah dikhurasukan oleh pihak sekolah dan dihantar kepada murid, guru dan ibu bapa melalui **pautan Google docx** atau **Excel sheet**.
- Seramai **2,204 guru bahasa Inggeris** berjaya **menyempurnakan latihan** dengan modul kursus **Pro-ELT** yang telah dijadikan enam(6) kursus mikro yang terdiri daripada kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, tatabahasa dan perbendaharaan kata.



## MELANGKAH KE HADAPAN

### Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris Murid Untuk Mencapai Sasaran Yang Diaspirasikan Berdasarkan Piawaian Antarabangsa CEFR

Keputusan SPM Bahasa Inggeris yang telah dijajarkan kepada piawaian antarabangsa CEFR tahun **2021** akan dijadikan **baseline**.

### Peningkatan Kompetensi Guru Opsyen Bahasa Inggeris Sehingga Mencapai Sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan CEFR C1

Latihan Pro-ELT **Enhance** akan dilaksanakan dan latihan berdasarkan jam pembelajaran yang terbimbing seperti disyorkan oleh CEFR. Tiga pakej latihan dalam talian ditawarkan kepada guru opsyen Bahasa Inggeris berdasarkan tahap penguasaan BI guru berkenaan iaitu:

- Pakej *Threshold* (A1/A2 ke B1)
- Pakej *Vantage* (B1 ke B2)
- Pakej *Proficient* (B2 ke C1)

### Penghasilan Modal Insan Yang Mahir Berbahasa Inggeris Bagi Meningkatkan Kebolehpasaran Di Peringkat Global

- Pemantapan **pengoperasian DLP** di peringkat JPN/PPD dan pelaksanaan khidmat bantu untuk **230 buah sekolah** yang dikenal pasti.
- Pelaksanaan HIP akan diteruskan dengan aktiviti-aktiviti pemantapan dan akan dilaksanakan secara maya.





## 2.3 PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM



### PENGENALAN

Dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan berdaya saing, pendidikan berteraskan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) harus diberikan tumpuan khusus dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, berkebolehan dan berkemahiran tinggi. Pada masa kini, bidang STEM merupakan bidang yang menjadi tumpuan bukan sahaja di Malaysia, malah di serata dunia. Selari dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0, generasi pelapis masa hadapan perlu diperlengkapkan dengan segala pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperlukan bagi mendepani pelbagai cabaran yang bakal ditempuhi. Potensi murid perlu dibangunkan berdasarkan kecenderungan, minat dan kebolehan mereka.

Sehubungan dengan itu, akses kepada gabungan mata pelajaran yang menarik dan berdaya maju sebagai pilihan laluan akademik atau kerjaya setiap murid perlu diwujudkan. Pada tahun 2020, pakej mata pelajaran STEM telah diperkenalkan bagi memberi peluang kepada murid mengenal pasti dan memilih mata pelajaran yang bersesuaian mengikut kecenderungan, minat dan kebolehan dalam konteks pembelajaran pada peringkat menengah atas. Ianya juga bertepatan dengan syarat yang ditetapkan oleh Program Matrikulasi, pengajian Tingkatan Enam, institusi pengajian tinggi atau bidang kerjaya pilihan.

### FOKUS 2020

1. Guru STEM yang dilatih berdasarkan kerangka kompetensi guru STEM
2. Enrolmen pakej STEM pada peringkat menengah atas
3. Pelaksanaan kajian rintis untuk mengukur tahap pembudayaan STEM murid





# PENCAPAIAN

## 6 kompetensi yang perlu dicapai oleh guru bidang STEM:

- 1 Kepercayaan terhadap pembelajaran STEM
- 2 Pedagogi berkaitan dengan STEM
- 3 Kemahiran dan pengetahuan STEM
- 4 Literasi data, digital dan teknologi
- 5 Aplikasi dunia sebenar
- 6 Keupayaan mengintegrasikan STEM dan *non-STEM*



### Guru STEM Yang Dilatih Berdasarkan Kerangka Kompetensi Guru STEM

- **Bengkel Pemantapan PdP Guru STEM Sekolah Berasrama Penuh (SBP)** anjuran Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP) bertujuan menyediakan guru dengan **kemahiran membina bantu mengajar (BBM) dalam bentuk digital** bagi meningkatkan minat pelajar memahami konsep STEM. Seramai **265 orang guru telah dilatih** menerusi bengkel kerja **dalam talian selama 20 jam**.
- **Bengkel Kejurulatihan STEM Pensyarah IPG** anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di IPG Kampus Pulau Pinang pada 12 hingga 15 Oktober 2020. Bengkel yang disertai oleh **28 orang pensyarah IPG zon Timur dan Utara** ini bertujuan untuk melengkapkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membangunkan kompetensi guru STEM.
- **Program Peluasan Modul STEM:** Pendekatan Mudah Untuk Guru yang dibangunkan oleh Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) merupakan satu modul dalam talian yang **menggunakan platform Schoology** dan berkonsepkan **Massive Open Online Course (MOOC)** untuk meningkatkan kemahiran guru dalam **mengintegrasikan STEM dalam PdP**.






# PENCAPAIAN

## PERATUS ENROLMENT PAKEJ STEM PADA PERINGKAT MENENGAH ATAS



Jumlah Murid STEM

**172,124** = **47.18%**  
Orang Baseline 2020

### Enrolmen Pakej STEM Pada Peringkat Menengah Atas

Murid yang mengikuti pakej STEM hendaklah mematuhi salah satu kriteria yang berikut:

**Kriteria A**

Mengambil semua mata pelajaran sains tulen iaitu Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan

**Kriteria B**

Mengambil mana-mana dua mata pelajaran sains tulen dan Matematik Tambahan dan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran elektif STEM sains gunaan dan teknologi atau mata pelajaran daripada bukan elektif STEM


**Kriteria C**

Mengambil sekurang-kurangnya dua mata pelajaran elektif STEM sains gunaan dan teknologi atau mengambil mana-mana satu mata pelajaran vokasional (MPV)

Sumber: Pusat STEM Negara, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan



# MELANGKAH KE HADAPAN



# Peningkatan Kompetensi Guru STEM

Diteruskan dengan memantapkan kandungan dan pelaksanaan bengkel kompetensi yang dijalankan. **Penekanan** diberi kepada **pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiri dan pembelajaran STEM bersepada** (integrated STEM) supaya ia dapat mendorong dan menggalakkan guru membimbing murid dengan lebih efisien dan seterusnya meningkatkan literasi STEM dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid.

Perubahan yang ingin dicapai dalam penerapan STEM pada murid bermula dengan memberikan kesedaran dan pendedahan terhadap kepentingan STEM.

Bagi menarik minat pelajar mendalami bidang STEM, **pendekatan pembelajaran bersepadu STEM** telah diperkenalkan, yang melibatkan **pengalaman STEM sebenar** melalui pelbagai kaedah PdP dan **program pembudayaan STEM** yang dijalankan.

## **Program-program Pemeriksaan dan Pengukuhan Pendidikan STEM**

- Memupuk dan merangsang minat murid terhadap bidang STEM melalui perkongsian ilmu dan maklumat yang jelas bagi menggalakkan mereka memilih pakej STEM pada peringkat menengah atas dan universiti.
  - Memberi pendedahan kepada ibu bapa dan komuniti ke arah memajukan pendidikan STEM
  - Memberi gambaran jelas terhadap laluan kerjaya dan peluang pekerjaan dalam bidang STEM pada masa hadapan melalui program-program yang dilaksanakan oleh Pusat STEM Negara (PSTEMN).



## 2.4 PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21



### PENGENALAN

Perancangan bagi inisiatif ini pada tahun 2020 telah dibuat sejak penghujung tahun 2019. Objektif utamanya adalah:

- peningkatan keupayaan murid untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan mencipta sesuatu
- peningkatan kompetensi guru dan pentadbir sekolah.

Berdasarkan data trend pencapaian TIMSS dan PISA, Kementerian terus bersedia menjalankan pelan tindakan yang dirancang bagi memastikan kesiapsiagaan murid bagi TIMSS dan PISA yang berikutnya.

### FOKUS 2020

1. Pencapaian skor purata dalam Pentaksiran Kompetensi dan Literasi Sains, Matematik dan Bacaan.
2. Peningkatan bilangan sekolah yang telah ditarafkan sebagai sekolah yang membudayakan KBAT mencapai kriteria 'Cemerlang'.
3. Peningkatan profesionalisme guru yang melaksanakan strategi PdP Abad Ke-21 mencapai tahap 'Baik' dan ke atas.



# PENCAPAIAN

## PENCAPAIAN SKOR PURATA PENTAKSIRAN KOMPETENSI DAN LITERASI SEKOLAH RENDAH (PKLSR)




## PENCAPAIAN SKOR PURATA PENTAKSIRAN KOMPETENSI DAN LITERASI SEKOLAH MENENGAH (PKLSM)





# PENCAPAIAN

## PERATUS GURU MELAKSANAKAN STRATEGI PEMBELAJARAN ABAD KE-21 MENCAPAI TAHP MINIMUM ‘BAIK’



Mencapai tahap minimum “**Baik**” bermakna:

- Guru boleh merancang aktiviti murid, dan melaksanakannya dengan baik
- Guru sangat prihatin dan sentiasa menghargai hasil kerja murid



### Peningkatan Profesionalisme Guru Yang Melaksanakan Strategi PdP Abad Ke-21 Mencapai Tahap ‘Baik’ dan Ke Atas


Semua guru tiada pilihan selain melaksana **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)** secara dalam talian kerana semua sekolah ditutup. Impak positif daripada keadaan ini adalah peratus guru melaksana strategi PdP Abad Ke-21 mencapai tahap ‘Cemerlang’ telah tercapai **100%** bagi 2800 guru yang dipantau di 246 sekolah penarafan KBAT.

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum



# PENCAPAIAN


## PERATUS SOALAN KBAT DALAM KERTAS PEPERIKSAAN SPM



Peratus soalan KBAT dalam kertas peperiksaan SPM telah **bermula dengan 20%** dan telah meningkat secara berperingkat sehingga **mencapai 40% pada tahun 2020.**

## KATEGORI CALON BERDASARKAN KEUPAYAAN CALON SPM 2020 MENJAWAB SOALAN KBAT

Sumber: Lembaga Peperiksaan







# PENCAPAIAN

## PENGUASAAN TAHP MINIMUM CALON SPM BAGI TAHUN 2019-2020


### Mengaplikasi



### Menganalisis



### Menilai



### Mencipta



## KUALITI JAWAPAN CALON SPM 2020 MENGIKUT KEMAHIRAN

### Mencipta



### Menilai



### Menganalisis



### Mengaplikasi



Sangat Rendah   Rendah   Sederhana   Tinggi

Sumber: Lembaga Peperiksaan



# PENCAPAIAN

## BILANGAN SEKOLAH YANG DITARAFKAN SEBAGAI SEKOLAH YANG MEMBUDAYAKAN KBAT MENCAPAI KRITERIA CEMERLANG

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum



<b>2020</b>	<b>246 sekolah</b>
<b>2019</b>	230 sekolah
<b>2018</b>	189 sekolah
<b>2017</b>	13 sekolah

**Sekolah mencapai kriteria cemerlang penarafan KBAT** apabila memenuhi semua kriteria cemerlang berdasarkan SKPMg2 seperti berikut (**>90%**)

STANDARD	KRITERIA
Kepimpinan	Pengetua/Guru Besar (PGB) berperanan sebagai pemimpin berimpak tinggi yang berupaya menggembung dan mengerakkan warga sekolah secara bersepadu untuk memajukan sekolah dan meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran (PdP) berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
Pengurusan Organisasi	Organisasi sekolah diurus secara cekap dengan mengambil kira potensi dan keperluan warga sekolah, kemudahan sumber dalaman dan luaran untuk meningkatkan keberkesanannya pengoperasian sekolah penarafan KBAT.
Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum	Bidang kurikulum dan kokurikulum diurus secara cekap dan berkesan untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani dan sosial selaras dengan hala tuju sekolah di samping menerapkan pelaksanaan KBAT.
Pembelajaran dan Pemudahcaraan	Mata pelajaran diurus untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran.

**Peningkatan Bilangan Sekolah Yang Telah Ditarafkan Sebagai Sekolah Yang Membudayakan KBAT Mencapai Kriteria ‘Cemerlang’ 90%**

- Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diperkenalkan dan diguna pakai semasa PKP mengakibatkan penutupan sekolah di mana aktiviti yang melibatkan pemantauan dan penilaian program tidak dapat dilaksanakan.
- Usaha untuk menjadikan semua sekolah terpilih dalam setiap daerah sebagai sekolah penarafan KBAT juga tidak dapat dilakukan pada suku akhir tahun 2020. Oleh itu, **hanya 87.2% daripada 282 sekolah** telah dikenal pasti sebagai sekolah yang membudayakan KBAT mencapai kriteria cemerlang.



## MELANGKAH KE HADAPAN

### Merapatkan Jurang Pencapaian antara Pentaksiran Antarabangsa dan Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL)

- Data pencapaian murid dalam pentaksiran antarabangsa dan juga Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) 2020 akan digunakan untuk **membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi** dalam semua murid di sekolah rendah dan sekolah menengah dengan menumpukan kepada murid tahun 4 hingga tingkatan 4 dalam **literasi saintifik, matematik, bacaan serta kewangan**.
- Meningkatkan kesiapsiagaan murid dalam menghadapi kajian utama PISA 2022 yang akan ditadbir pada bulan April – Mei 2022 dan TIMSS 2023 yang akan ditadbir pada bulan Oktober 2022.
- Memandangkan kedua-dua kajian ini melibatkan **item berkomputer dan interaktif**, maka tumpuan akan diberikan dalam penyediaan item tersebut.

### Peningkatan Kompetensi dan Profesionalisme Guru

- Usaha akan bertumpu kepada peningkatan kefahaman murid dalam konteks pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam situasi baharu.
- Fokus juga akan diberikan untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme guru bagi meningkatkan keupayaan murid berpencapaian rendah dalam menjawab item pentaksiran beraras tinggi melalui pelbagai **program intvensi secara berfokus**.



Pelan komunikasi dibangunkan bagi memberi kesedaran mengenai **kepentingan pelibatan Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa** demi meningkatkan kualiti pendidikan negara. Usaha ini bertujuan untuk mengupayakan semua pihak berkepentingan seperti JPN, PPD, warga sekolah serta ibu bapa dalam membudayakan KBAT selaras dengan anjakan ke-6 dalam PPPM 2013-2025.



## 2.5 PELIBATAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SWASTA



### PENGENALAN

PIBKS merupakan inisiatif bermatlamat memastikan setiap ibu bapa akan menjadi rakan yang aktif dalam proses pembelajaran anak. Sekolah juga akan mempunyai rangkaian komuniti dan sektor swasta sebagai rakan yang mampu memberi sumbangan kepakaran untuk kemajuan sekolah.

Sehingga tahun 2019 peranan yang dimainkan oleh ibu bapa, komuniti dan swasta dalam pendidikan secara umumnya menyokong peranan guru dan sekolah sebagai pihak bertanggungjawab dalam pendidikan anak-anak. Namun, berikutan pandemik Covid-19 yang telah memaksa penutupan sekolah, peranan dan tanggungjawab ibu bapa semakin penting dalam memastikan murid tidak keciciran dalam pengajaran dan pembelajaran dari rumah. Komuniti dan pihak swasta juga berperanan dalam menyokong keperluan baharu yang diperlukan dalam pendidikan norma baharu secara dalam talian. Pelibatan dan kerjasama semua pihak berkepentingan ini mewujudkan ekosistem pembelajaran yang memperkuuhkan pengajaran ilmu, kemahiran, dan nilai yang diajar kepada murid dalam keadaan yang selamat dan selesa.

### FOKUS 2020

1. Peningkatan peratus pelibatan ibu bapa dan komuniti di sekolah secara sukarela.
2. Peningkatan peratus pelibatan pihak swasta dalam pendidikan.





# PENCAPAIAN

## PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI PADA TAHUN 2020



**Sebanyak 10** daripada 16 JPN (62.5%) mempunyai **80% sekolah** mencapai 50% pelibatan ibu bapa dan komuniti secara sukarela

**72.4%**

Peratus pelibatan ibu bapa dan komuniti mengikut bidang



**13.5%**



**5.3%**



**8.8%**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

## Peningkatan Peratus Pelibatan Ibu Bapa Dan Komuniti di Sekolah Secara Sukarela

- Sekolah perlu **mengadaptasi perubahan sistem pendidikan** dalam keadaan krisis dan selepas berakhir krisis bersama-sama sokongan ibu bapa dan komuniti
- Kesedaran dan keterbukaan sekolah, ibu bapa dan komuniti dalam memastikan **aspek persekitaran sekolah yang selamat** dalam menghadapi pandemik Covid-19 perlu dipertingkatkan.
- **Sokongan mental dan emosi semua pihak** dalam mengurus perubahan situasi kehidupan akibat pandemik Covid-19 dan mengurangkan impak negatif akibat kesukaran mengikuti PdPR.
- Peranan ibu bapa dan komuniti dijelaskan dalam **Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah** dan diperkuatkukan lagi dalam **Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu 2.0**
- Kerjasama JPN, PPD dan rakan strategik dalam memberi **bimbingan dan pementoran** kepada guru dari segi **teknik serta kaedah pendidikan digital** dalam meningkatkan prestasi akademik murid.




# PENCAPAIAN

## Pelibatan Sektor Swasta Dalam Pendidikan pada Tahun 2020

- Memperkasakan peranan rakan strategik swasta bagi membantu JPN dan KPM dalam menggalakkan pelibatan sektor swasta.
- Mengupayakan peranan JPN dan PPD dalam mewujudkan jalinan dengan rakan strategik swasta yang menyokong pengajaran dan pembelajaran murid.

### PERATUS SEKOLAH TERLIBAT DENGAN KERJASAMA SEKTOR SWASTA



Nilai tajaan / sumbangan pihak swasta bagi tahun 2020 ialah sebanyak **RM89,009,164.58**

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian



## MELANGKAH KE HADAPAN

- Peranan rakan strategik ibu bapa, komuniti dan swasta akan diperkisasikan pada tahun 2021 melalui **sesi libat urus** yang dipertingkatkan **secara dalam talian** bagi meningkatkan pelibatan mereka dalam bidang pendidikan sesuai dengan norma baharu.
- **Kempen kesedaran ibu bapa dan komuniti** mengenai kepentingan pendidikan diperluaskan sesuai dengan keadaaan semasa.
- **Panduan PIBKS** akan **dimantapkan** bagi membantu semua yang terlibat memahami dan memastikan hala tuju inisiatif ini dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- **Kempen pendidikan digital** akan **diperluaskan** bagi membantu guru, ibu bapa, komuniti dan murid menghadapi perubahan pendidikan masa kini.





## 2.6 PEMANTAPAN PROFESIONALISME PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)



### PENGENALAN

Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan (PPP) merupakan satu usaha dan inisiatif Kementerian yang komprehensif, kolektif dan bersepada untuk meningkatkan kompetensi dan prestasi PPP yang terdiri daripada kumpulan pemimpin sekolah, guru, pensyarah dan PPP di pelbagai peringkat institusi KPM termasuk di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan bahagian KPM.

Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan (PPP) bertujuan untuk mengekalkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang kompeten dan berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatannya dan seterusnya dapat memartabatkan profesion keguruan agar setanding dengan profesion lain yang profesional.

Pada tahun 2020, pelbagai program pemantapan profesionalisme PPP telah dirancang seperti Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (ProPeKS), Program Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (*Leadership Course for Middle Leaders-LCML*) , Bimbingan Instruksional Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kepada 6,264 buah sekolah rendah dan Latihan DSKP KSSM/KSSR kepada 12,927 guru Pendidikan Islam.

### FOKUS 2020

1. Pemerkaasan Profesional Keguruan iaitu usaha membangunkan dokumen Kamus Kompetensi PPP, Kerangka Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan yang berstruktur dan Pelan Naiktaraf Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKM) bagi memantapkan profesionalisme keguruan.
2. Kelestarian Pemimpin Pendidikan iaitu usaha untuk melonjakkan kompetensi kepimpinan Pemimpin Sekolah dan Pemimpin Pertengahan
3. Pembangunan Profesionalisme PPP iaitu meningkatkan kompetensi PPP melalui program bimbingan instruksional dan latihan peningkatan kompetensi.



## PENCAPAIAN

# 98.5%

Pemimpin Pendidikan yang Mengikuti Latihan Mencapai Tahap Piawaian Kompetensi yang Diluluskan

# 98.3%

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang mengikuti Latihan mencapai tahap piawaian kompetensi yang diluluskan

# 100 orang

**pengetua** telah berjaya menamatkan fasa bimbingan dan pemantauan program ProPeKS (Kohort 2017,2018 dan 2019)

# 40 orang

**pengetua** telah berjaya membentangkan amalan terbaik dalam Kolokium Pemimpin Cemerlang Institusi Pendidikan (PCIP) tahun 2020

Sumber: Bahagian Profesionalisme Guru

Sebahagian daripada aktiviti dan program yang telah dirancang pada awalnya untuk meningkatkan profesionalisme pemimpin sekolah, pemimpin pertengahan dan PPP di sekolah tidak dapat dilaksanakan secara mod bersemuka sepenuhnya dan telah diubah mod pelaksanaannya kepada secara dalam talian bagi mematuhi SOP dan peraturan yang berkuatkuasa.



# PENCAPAIAN

## 12,927 guru

akademik telah melengkapkan Latihan DSKP KSSM/KSSR pada tahun 2020



Guru Tahap 1 daripada

## 6,284 sekolah rendah

telah mendapat latihan instruksional daripada latihan dan bimbingan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Sumber: Bahagian Profesionalisme Guru

### **Pembangunan Profesionalisme PPP Iaitu Meningkatkan Kompetensi PPP Melalui Program Bimbangan Instruksional dan Latihan Peningkatan Kompetensi**

- Pelaksanaan latihan dan bimbingan instruksional Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kepada guru tahap 1 di 6,284 buah sekolah dan latihan DSKP KSSM/ KSSR kepada guru akademik sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ditangguh sementara waktu sehingga penularan Covid-19 berkurangan.
- Meningkatkan kompetensi serta memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada PPP yang mengikuti latihan dan bimbingan melalui mod dalam talian seiring normal baharu.



## MELANGKAH KE HADAPAN

### Pemantapan Profesional Perguruan

Pemantapan Profesional Keguruan merupakan satu usaha menjadikan **bidang perguruan sebagai kerjaya pilihan** melalui penghasilan pelan pendidikan yang mapan serta laluan kerjaya yang progresif.

**Pelan Pembangunan Latihan Pemimpin Pendidikan** serta menyediakan **Garis Panduan Laluan Kerjaya PPP** yang komprehensif bagi pembangunan kerjaya yang lebih progresif berdasarkan prestasi dan kompetensi.

### Peningkatan Kecemerlangan Pemimpin Pendidikan dan PPP

Pembangunan Profil Kepakaran PPP dalam SPLKPM, pelaksanaan Aktiviti Kesarjanaan Pemimpin Pendidikan dan peluasan **Modul PLC kepada PPP** akan memastikan pemimpin pendidikan akan membawa organisasinya ke arah kecemerlangan.

Melalui pemimpin yang cemerlang, PPP diberi peluang serta latihan bagi mencapai piawaian kompetensi tahap tinggi dalam pelbagai bidang kemahiran, kandungan dan keperibadian tinggi ke arah kecemerlangan personal dan organisasi.

### Kesejahteraan Minda PPP

Dalam mendepani cabaran semasa yang mungkin memberi kesan kepada PPP dari segi psikologi, Kementerian sentiasa proaktif dalam **memastikan kesejahteraan psikologi (minda) PPP terjaga**.

Tumpuan akan diberikan kepada:

- pembangunan Inventori Kesejahteraan Psikologi KPM (IKPsi)
- pelaksanaan Program Psiko Pendidikan dan Intervensi Kesejahteraan Psikologi (berdasarkan profil IKPsi) kepada warga KPM,
- pewujudan Program Literasi Perundangan dan Salah Laku Penjawat Awam kepada PPP.





## 2.7 PEMERKASAAN INSTITUSI PENDIDIKAN



### PENGENALAN

Selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, khususnya dalam anjakan 4: Transformasi Keguruan Sebagai Profesional Pilihan dan anjakan 5: Memastikan Kepimpinan Berprestasi Tinggi ditempatkan di setiap sekolah, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan kapasiti pensyarah institusi pendidikan khususnya Institut Aminuddin Bakri (IAB) dan Institut Pendidikan Guru (IPG).

Pada tahun 2020, inisiatif ini juga telah melibatkan Kolej Matrikulasi dan Kolej Tingkatan Enam bagi memperkasakan pensyarah dan guru KPM khususnya. Hasrat inisiatif adalah

untuk memperkasa institusi Pendidikan di bawah KPM sebagai institusi berakreditasi yang mengamalkan budaya kecemerlangan profesionalisme dan perkongsian amalan terbaik serta memperkasa tompok kepimpinan institusi tersebut.

### FOKUS 2020

1. Peningkatan bilangan pemimpin dan pensyarah Institusi Pendidikan yang berjaya melengkapkan kursus peningkatan kompetensi generik dan fungsional sekurang-kurangnya pada tahap tinggi
2. Program yang disemak semula dan memperoleh pengiktirafan daripada badan bertauliah
3. Peningkatan bilangan pemimpin dan pensyarah yang mencapai tahap minimum band 3 dalam melaksanakan aktiviti kesarjanaan





# PENCAPAIAN

## Kursus Peningkatan Kompetensi Generik dan Fungsional

Daripada 882 orang pemimpin Institusi Pendidikan (IAB, IPG, BM, KTE), seramai **181 orang** telah dipilih untuk menyertai kursus dan berjaya melengkapkan kursus tersebut sekurang-kurangnya pada tahap tinggi.

Manakala daripada 6,415 orang pensyarah Institusi Pendidikan (IAB, IPG, BM, KTE) pula, seramai **2,533 orang** telah dipilih untuk menyertai kursus dan berjaya melengkapkan kursus tersebut sekurang-kurangnya pada tahap tinggi



## Deskripsi Skor Pencapaian Kompetensi:

SKOR TAHAP	90%-100% CEMERLANG	80%-89% TINGGI	60%-79% SEDERHANA	0%-59% RENDAH
------------	--------------------	----------------	-------------------	---------------

Sumber: Institut Aminuddin Bakri



## Peningkatan Bilangan Pemimpin dan Pensyarah Institusi Pendidikan Yang Berjaya Melengkapkan Kursus Peningkatan Kompetensi Generik dan Fungsional Sekurang- Kurangnya Pada Tahap Tinggi

- Menggubal modul kursus yang boleh dilaksanakan secara luar dan dalam talian.
- Mengenal pasti pembekal luar yang dapat memberi khidmat alternatif secara dalam talian sesuai dengan keadaan semasa dan normal baharu.



# PENCAPAIAN

Seiring dengan usaha mendapatkan pengiktirafan bagi kursus yang ditawarkan oleh Kementerian kepada pensyarah, syarat pemilihan perlu diteliti semula untuk memastikan peluang diberikan kepada pensyarah yang berminat mengambil kursus petaulahan tersebut dan berbaki sekurang-kurangnya 3 (tiga) tahun dalam perkhidmatan awam dari tarikh tamat latihan.



## PROGRAM YANG DISEMAK SEMULA DAN MEMPEROLEH PENGIKTIRAFAN DARIPADA BADAN BERTAULIAH

1. Semakan Semula Program National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL) Versi 2.0
2. Semakan kurikulum bagi 3 Program Bahagian Matrikulasi
3. Dua program IPG juga telah mencapai sasaran proses pengakreditasian iaitu Pemantauan dan penilaian Akreditasi Penuh MQA-02 **Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM)**; dan Dokumen Permohonan Akreditasi Sementara MQA-01 bagi **Program Ijazah Sarjana Perguruan (PISP) lengkap**.





# PENCAPAIAN

## Deskripsi Aktiviti Kesarjanaan

Aktiviti	Peringkat	Band
Penyelidikan	Perancangan & kertas cadangan	1
	Pengumpulan data	2
	Penilaian dan pelaporan	3
	Pembentangan	4
	Penerbitan	5
Pembinaan Modul	Perancangan/ Analisis keperluan	1
	Pembinaan draf modul	2
	Penilaian dan pelaporan	3
	Rintis dan pemantapan	4
	Penerbitan	5
Konsultasi	Perancangan	1
	Pelaksanaan	2
	Penilaian dan pelaporan	3
	Tindakan susulan	4
Program Sandaran	Perancangan	1
	Pelaksanaan	2
	Penilaian dan pelaporan	3
	Tindakan susulan	4
Panel Penilai Artikel/Buku	Bacaan pertama dan pelaporan	1
	Bacaan kedua dan pelaporan	2
	Pertimbangan dan rumusan	3
Penulisan/ Penerbitan	Perancangan	1
	Pelaksanaan	2
	Pemurnian	3
	Penerbitan	4
Inovasi	Perancangan	1
	Pelaksanaan	2
	Penilaian/pelaporan	3
	Aplikasi/pembentangan	4
	Pengkomersialan	5

**Bilangan Pemimpin/ Pensyarah Institusi Pendidikan yang mencapai tahap minimum Band 3 dalam aktiviti kesarjanaan**

**2,436  
PENSYARAH**

Seramai 6,415 pensyarah Institusi Pendidikan yang telah melaksana aktiviti kesarjanaan pada tahun 2020.

**347  
PEMIMPIN**

Seramai 882 pemimpin Institusi Pendidikan telah melaksana aktiviti kesarjanaan pada tahun 2020.

Sumber: Institut Aminuddin Bakri

## Peningkatan Bilangan Pemimpin Dan Pensyarah Yang Mencapai Tahap Minimum Band 3 Dalam Melaksanakan Aktiviti Kesarjanaan

Pelaksanaan program serta aktiviti kesarjanaan seperti kolokium telah dijalankan secara digital. Impak positif daripada pelaksanaan aktiviti kesarjanaan dalam talian ini adalah terdapat pertambahan bilangan pensyarah yang mengikuti aktiviti yang dijalankan.





## MELANGKAH KE HADAPAN

Mulai tahun 2021, fokus pemerkasaan adalah terhadap IAB sepenuhnya (2021-2025). IAB berhasrat untuk menjadi **pusat latihan yang terbilang** dan menjadi **sumber rujukan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan** sama ada di dalam dan luar negara. Sehubungan dengan itu, IAB akan terus berusaha :



- meningkatkan **kompetensi dan keterampilan pensyarah** untuk mencapai kualiti pensyarah yang lebih cemerlang dengan pelaksanaan kursus kemahiran digital, peningkatan modul latihan konsultasi, program-program dan kursus-kursus berfokus kepada pensyarah laluan cemerlang dan kepimpinan; merancakkan penyelidikan, penulisan dan penerbitan jurnal serta pembentangan inovasi baru.
- meningkatkan pensyarah yang layak mendapat **pengiktirafan profesional** daripada badan profesional bertauliah dalam bidang kepimpinan dan pengurusan melalui pentauliahan profesional, perkongsian kepakaran serta bakat pakar bidang khusus.
- menambah **pelibatan khidmat konsultasi** dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan dengan mewujudkan pelan pengoperasian khidmat konsultasi organisasi dan direktori rujukan kepakaran IAB.





## 2.8 PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI SEKOLAH RENDAH (PLaN)



BAHARU

### PENGENALAN

Mulai tahun 2020 Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah atau Primary Literacy and Numeracy (PLaN) di 800 buah sekolah rendah yang telah dikenal pasti di seluruh negara.

Objektif PLaN adalah untuk memastikan semua murid mencapai tahap penguasaan literasi dan numerasi murid Tahap I sekurang-kurangnya pada tahap minimum iaitu Tahap Penguasaan 3 (TP3) dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik di mana mereka berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan mengetahui serta memahami pengetahuan asas matematik.

### FOKUS 2020

1. Menetapkan *baseline* tahap penguasaan murid Tahap I dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik berdasarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)
2. Peningkatan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang berfokus dan terbeza dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik



## Deskripsi Tahap Penguasaan Murid Tahun 2 dan Tahun 3

TAHAP PENGUASAAN (TP)	TAFSIRAN		
	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	MATEMATIK
TP 1	Murid memperkenalkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.	<i>Pupil hardly achieves the curriculum target even with a lot of support</i>	Tahu pengetahuan asas matematik
TP 2	Murid memperkenalkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan, dan latihan dalam kemahiran bahasa	<i>Pupil is on track to achieve the curriculum target</i>	Tahu dan faham pengetahuan asas matematik
TP 3	Murid berusaha memperkenalkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berusaha mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa	Pupil achieves expectations for the curriculum target	Tahu dan faham pengetahuan asas matematik bagi melakukan operasi asas matematik dan penukaran asas
TP 4	Murid berusaha memperkenalkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik, dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan, berusaha mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan pembelajaran kendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa	<i>Pupil works towards exceeding expectations for the curriculum target</i>	Tahu dan faham pengetahuan matematik bagi melakukan langkah pengiraan dalam menyelesaikan masalah harian yang rutin
TP 5	Murid berusaha memperkenalkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi, berusaha mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif, mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks, menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif, serta mengamalkan pembelajaran secara kendiri dalam kemahiran bahasa	<i>Pupil is on track to exceed expectations for the curriculum target</i>	Menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran matematik dalam menyelesaikan masalah harian yang rutin dengan pelbagai strategi
TP 6	Murid berusaha memperkenalkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten, berusaha mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif, berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan, mengamalkan pembelajaran secara kendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa	<i>Pupil exceeds expectations for the curriculum target</i>	Menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran matematik dalam menyelesaikan masalah harian yang bukan rutin secara kreatif dan inovatif


Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum



# PENCAPAIAN

## Peratus Murid Mencapai Sekurang-kurangnya Tahap Minimum iaitu Tahap Penguasaan 3 (TP3)

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik
Tahun 2	82.85%	79.16%	84.11%
Tahun 3	88.73%	82.60%	88.36%



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum

## Menetapkan *Baseline* Tahap Penguasaan Murid Tahap I dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik Berdasarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

- **Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)** terpaksa ditukar kepada **mod dalam talian** atas faktor Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sekolah.
- Verifikasi akan dilaksanakan pada pertengahan tahun kedua 2021 tertakluk kepada arahan PKP yang berkuatkuasa. Verifikasi data PBD melibatkan kesahan laporan PBD dengan PdP yang dilaksanakan bagi mata pelajaran yang terlibat.

### Informasi

Tahap Penguasaan 3 (TP3) merupakan *baseline* memandangkan tahun 2020 merupakan tahun pertama pelaksanaan PLan



# PENCAPAIAN

## 6

### LANGKAH INTERVENSI PLaN MERANGKUM ASPEK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, PENGURUSAN SEKOLAH, DAN PELIBATAAN IBU BAPA DAN KOMUNITI

Penghasilan dan penggunaan bahan pengajaran harian yang terbeza dan berfokus



Pelaksanaan *Professional Learning Community* (PLC) yang berfokuskan kepada perancangan pengajaran



Penetapan sasaran berdasarkan kemajuan murid (*improvement-based targets*)



Penggunaan sistem bank item pentaksiran formatif yang menyokong Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)



Penambahbaikan pengurusan instruksional oleh pentadbir



Pelaksanaan kempen kesedaran kepada ibu bapa



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum

#### **Peningkatan Kemahiran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Yang Berfokus dan Terbeza dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris Dan Matematik**

Semua aktiviti latihan guru, jerayawara dan kunjung bantu guru dan guru besar terpaksa ditangguhkan ke tahun 2021.





## MELANGKAH KE HADAPAN

# LITERASI NUMERASI

Pendekatan baharu akan diambil pada tahun 2021 bagi memacu perubahan literasi dan numerasi yang kalis pandemik.

- perubahan mod penyampaian kepada pendekatan secara dalam talian bagi menggantikan pertemuan atau aktiviti secara bersemuka,
- pemerkasaan penggunaan platform digital KPM (aplikasi MS Teams, DidikTV, DELIMa),
- pengautomasian pengumpulan data,
- penggunaan aplikasi digital seperti ilustrasi, video dan modul e-pembelajaran bagi merancakkan suasana pembelajaran murid serta latihan guru.

### Pembangunan Bahan Bantu Belajar

Penekanan kepada aspek bahan bantu belajar yang **bermutu tinggi** untuk murid, pedagogi khusus bagi intervensi literasi dan numerasi, kem bimbingan murid serta kempen kesedaran literasi dan numerasi menjadi teras utama aktiviti yang berfokus secara langsung dengan murid dan ibu bapa.

### Pengurusan Data PBD PLaN

Selaras dengan pendigitalan KPM, **pengurusan data PBD PLaN** akan ditambah baik bagi memantapkan proses perolehan dan kecekapan analisa data. Ini membolehkan pengurusan PLaN merancang program yang bersasarkan kemajuan murid, guru dan sekolah berdasarkan analisis data raya.

### Peningkatan Kemahiran Guru

Pelbagai program disusun terutama dalam pendekatan yang berfokus dan terbeza, penyediaan item pentaksiran literasi dan numerasi yang menyokong pentaksiran bilik darjah, pelaksanaan PLC yang berkesan serta pemantapan kepimpinan instruksional di sekolah.





## BAB 3

# MENINGKATKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

Sistem pendidikan yang terbaik menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira etnik, tempat atau latar belakang sosioekonomi. Sistem pendidikan yang direncanakan bagi Malaysia ialah semua kanak-kanak warganegara, tanpa mengira siapa ibu bapa mereka, atau tempat mereka belajar, akan dilengkapi keperluan untuk membuka segala peluang bagi masa depan mereka.

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat 2-4*

Inisiatif yang dilaksanakan bagi **aspirasi EKUITI:**



### 3.1 TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI



### 3.2 PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)



### 3.3 PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS



### 3.1 TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI



#### PENGENALAN

Hasrat dan rasional inisiatif ini adalah untuk menyediakan peluang pendidikan yang relevan dengan keperluan murid Orang Asli dan Peribumi selari dengan pendidikan arus perdana dan meningkatkan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti murid Orang Asli dan Peribumi yang relevan dengan keperluan semasa. Kementerian berharap usaha ini telah dapat mencapai matlamatnya iaitu untuk melahirkan generasi Malaysia yang mempunyai identiti nasional yang kukuh serta menerima, menghormati dan menghayati keunikan kepelbagaian kaum di negara ini dengan suasana pembelajaran dan pengajaran di sekolah khususnya di sekolah murid Orang Asli dan Peribumi.

#### FOKUS 2020

1. Kehadiran murid Orang Asli ke sekolah pada tahun 2020
2. Transisi murid Orang Asli daripada Tahun Enam ke Tingkatan Satu
3. Kehadiran Murid Peribumi, Kaum Dusun Bonggi di Negeri Sabah dan Kaum Penan di Negeri Sarawak
4. Pencapaian Tahap Minimum UPSR murid Orang Asli digugurkan kerana UPSR telah dibatalkan pada tahun 2020




# PENCAPAIAN

## PERATUS PURATA KEHADIRAN MURID ORANG ASLI DI SEKOLAH ORANG ASLI



## PERATUS PURATA KEHADIRAN MURID PERIBUMI (SABAH DAN SARAWAK)



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

### Kehadiran Murid Orang Asli dan Peribumi Ke Sekolah Pada Tahun 2020

- Arahuan penutupan sekolah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menjelaskan kehadiran murid Orang Asli dan Peribumi ke sekolah. Penyertaan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) juga agak sukar kerana cabaran akses internet dan peranti.
- Kerjasama pihak ibu bapa, Tok Batin dan komuniti setempat membantu mengambil bahan pembelajaran anak-anak mereka dan menghantar semula kepada pihak sekolah untuk disemak oleh guru telah memastikan anak-anak tidak ketinggalan dalam pembelajaran walaupun kekurangan alat peranti dan akses capaian internet di kawasan mereka.
- Pelibatan komuniti secara aktif khususnya ahli jawatankuasa kampung, ahli jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Tok Batin dan komuniti setempat sentiasa memberikan komitmen membantu pihak sekolah dalam memberikan penerangan dan pendedahan kepada ibu bapa Orang Asli dan peribumi.



# PENCAPAIAN

## PERATUS TRANSISI MURID ORANG ASLI DARI TAHUN ENAM KE TINGKATAN SATU



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

### Transisi Murid Orang Asli Daripada Tahun Enam Ke Tingkatan Satu

Pihak Institut Aminuddin Baki juga telah melaksanakan bimbingan berfokus dan kursus profesionalisme kepada pemimpin sekolah di peringkat sekolah menengah yang mempunyai murid Orang Asli bagi meningkatkan peratus transisi murid Orang Asli daripada tahun enam ke tingkatan satu.

Penyediaan pendidikan yang memenuhi keperluan masyarakat Orang Asli dan masyarakat Peribumi (Sabah dan Sarawak) merupakan cabaran yang sangat berbeza berbanding menyediakan pendidikan kepada murid di kawasan arus perdana di bandar. Antara cabaran utamanya adalah:

- Penyediaan akses pendidikan yang terhad
- Akses pengangkutan murid ke sekolah
- Bentuk muka bumi (lokasi rumah dan sekolah)
- Penyampaian bahan pelajaran sukar
- Penggunaan peranti yang terhad (murid kurang/tiada pengetahuan)



## MELANGKAH KE HADAPAN

Berikut cabaran yang dihadapi pada tahun 2020, penambahbaikan akan dilakukan terhadap aktiviti yang dirancang agar **lebih berfokus dan terbeza** mengikut keperluan khusus bagi Orang Asli dan Peribumi.

- Keutamaan diberikan kepada **sekolah – sekolah yang belum mencapai tahap baik** dari segi kehadiran ke sekolah sama ada secara fizikal atau maya.
- **Pemerkasaan kerjasama dengan JKKK dan Tok Batin** bagi mengurangkan isu keciciran murid Orang Asli.
- Penyediaan pusat komuniti bagi masyarakat Orang Asli untuk pendidikan.
- Memperluaskan jaringan dan jalinan dengan pihak swasta.
- Pelaksanaan Program Jom Belajar bagi kanak-kanak Orang Asli dan Peribumi yang tidak pernah bersetempat diteruskan dengan pelibatan pihak agensi kerajaan, NGO dan komuniti.
- Peningkatan profesionalisme pengetua / guru besar dan guru penolong kanan hal ehwal murid di sekolah Orang Asli.
- Program kesedaran kerjaya kepada murid Orang Asli agar terus mendapat peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- Penganjuran sesi libat urus dan kerjasama yang erat antara agensi luar seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan pihak NGO seperti *MyKasih Foundation*, *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) dan *Northern Corridor Economic Region* (NCER) bagi menambah baik keperluan bantuan yang diperlukan untuk murid Orang Asli.
- **Penyediaan Pusat Didikan Komuniti** kepada kanak-kanak Peribumi di negeri Sabah dan Sarawak yang tidak mendapat akses pendidikan terutama yang tinggal jauh di pedalaman.
- **Pelaksanaan program karnival kesedaran pendidikan** kepada masyarakat Peribumi dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkaitan terutama di negeri Sabah dan Sarawak bagi memastikan ekuiti dan akses kepada pendidikan dapat diterima dengan sewajarnya.





## 3.2 PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)



### PENGENALAN

Program Transformasi Daerah (DTP) berteraskan konsep sokongan dan akauntabiliti dalam empat komponen utama iaitu mengupaya kepimpinan tempatan, memberi sokongan kepada organisasi yang paling memerlukan, menambah akses, kualiti dan ekuiti serta disiplin pemantauan, penyelesaian masalah dan pengambilan tindakan.

Bagi tahun 2020 akitiviti utama inisiatif ini menjurus kepada meningkatkan pencapaian Pejabat Pendidikan Daerah mencapai tahap penarafan “melebihi standard” dalam Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PKPPD) dan peningkatan peratus murid layak memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

### FOKUS 2020

#### 1. Penarafan Kecemerlangan PPD (PKPPD)

diadakan untuk mengenal pasti:

- tahap dan potensi PPD dari aspek kepimpinan, pengurusan organisasi dan keberhasilan
- amalan terbaik dan aspek penambahbaikan berterusan dalam kalangan PPD supaya sokongan dan intervensi berfokus boleh disalurkan kepada PPD yang paling memerlukan.

#### 2. Peratus murid layak sijil SPM

Tumpuan diberikan kepada:

- Enrolmen Murid - Kehadiran murid sekolah menengah
- Kemenjadian Murid : Persediaan menghadapi Peperiksaan Awam SPM, pembudayaan PAK21 dan pelaksanaan SKPMg2 (Standard 4)
- Hal Ehwal Murid : aspek disiplin, status sosio ekonomi (SSE) dan gender, demografik setempat



# PENCAPAIAN

## PENARAFAN KECEMERLANGAN PPD

(2017 hingga 2019)

Analisis pencapaian tahun 2019 menunjukkan 127 daripada 143 PPD (88.81%) telah berada pada tahap melebihi standard penarafan. Analisis peratus pencapaian penarafan kecemerlangan PPD telah menunjukkan peningkatan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut. Sebanyak 73.97% peningkatan berlaku dari tahun 2017 hingga 2019.



## Murid Layak Sijil SPM

Intervensi telah dilaksana bagi memastikan kelancaran PdP terutama bagi murid Tingkatan 5 yang bakal menduduki peperiksaan SPM.

- Dialog prestasi subjek Bahasa Melayu dan Sejarah** bersama-sama Penolong Kanan, Ketua Bidang, Ketua Panitia dan guru-guru Tingkatan 5 diadakan bagi mengenal pasti masalah dan menghasilkan penyelesaian terbeza dan berfokus.
- Bimbingan pendekatan pedagogi terbeza** khusus bagi subjek Bahasa Melayu dan Sejarah kepada guru-guru Tingkatan 5 oleh PPD.
- PLC berterusan** oleh guru-guru Tingkatan 5 bagi memantau perkembangan murid terutama dalam situasi PKP.

## Penarafan Kecemerlangan PPD (PKPPD)

Verifikasi PKPPD telah dijalankan kepada **140 PPD** dan **3 JPN** yang tidak mempunyai PPD iaitu **Perlis, WP Labuan** dan **WP Putrajaya** mulai bulan September sehingga November tahun 2020 bertujuan membuat penarafan bagi operasi PPD tahun 2019.

Verifikasi PKPPD telah dijalankan secara bersempena dengan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi lokasi yang tiada PKP dan secara dalam talian bagi lokasi yang menjalani PKP.

## PERATUS LAYAK MENDAPAT SIJIL SPM

(2017 hingga 2020)

Analisis peratus pencapaian layak mendapat sijil SPM telah menunjukkan peningkatan dalam tempoh empat tahun berturut-turut. Sebanyak 4.45% peningkatan berlaku dari SPM 2017 hingga SPM 2020.




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian




# PENCAPAIAN


## JURANG PERATUS LAYAK SIJIL SPM MENGIKUT STATUS SOSIOEKONOMI 2017-2020



## JURANG PERATUS LAYAK SIJIL SPM MENGIKUT JANTINA 2016-2020



## JURANG PENCAPAIAN GRED PURATA SPM BANDAR DAN LUAR BANDAR 2012 -2020





## MELANGKAH KE HADAPAN

### Penarafan Kecemerlangan PPD (PKPPD)

Akauntabiliti semua PPD akan diperkuuhkan agar dapat mengawal kualiti proses serta dapat mengenal pasti hubungan di antara kecemerlangan PPD dengan keberhasilan PPD serta peningkatan kualiti sekolah. Penilaian keberhasilan PPD dalam PKPPD akan ditambah baik dengan memberi **penekanan kepada elemen keberhasilan sekolah dalam kawalan PPD.**

### Rintis Standard Kecemerlangan JPN

Tujuan standard kecemerlangan JPN ini diadakan adalah sebagai panduan kepada semua JPN untuk mencapai tahap kecemerlangan penyampaian perkhidmatan, pembudayaan organisasi pembelajaran, penambahbaikan berterusan dan keberhasilan inovasi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan.

### Dialog Prestasi

Penambahbaikan terhadap Dialog Prestasi juga akan diperkasakan di peringkat negeri, daerah dan sekolah bagi memastikan perbincangan secara mendalam dapat dilaksanakan dalam mengenal pasti isu, cabaran serta intervensi terbaik dapat diambil.



### Murid Layak Sijil SPM

Autonomi dalam aspek pengoperasian perlu diberikan kepada sekolah dalam menentukan intervensi di peringkat sekolah. Sistem sokongan di peringkat sekolah terutamanya Ketua Bidang dan Ketua Panitia perlu digerakkan dan diperkasakan bagi mengupayakan mereka dalam merangka pelan intervensi yang lebih berfokus, berstruktur dan berkesan.

**Pengesahan pencapaian murid seawal tahun 1** perlu dilakukan untuk mengenal pasti tahap penguasaan minimum di peringkat sekolah rendah dan **murid Tingkatan 4** bagi layak sijil SPM di peringkat sekolah menengah.



### 3.3 PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS



#### PENGENALAN

Peningkatan enrolmen yang konsisten pada setiap tahun bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang berada dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) sehingga mencapai 60.87% di penghujung tahun 2019, telah membuatkan Kementerian optimistik tentang penetapan sasaran sebanyak 65% bagi tahun 2020.

Bagi merealisasikan sasaran tersebut, Kementerian telah merangka strategi yang bertumpu kepada peningkatan akses dan kualiti pendidikan serta profesionalisme guru dalam pengajaran dan pembelajaran bagi MBK. Selain memastikan enrolmen MBK meningkat, usaha juga giat dijalankan bagi meningkatkan kebolehpasaran MBK selepas tamat persekolahan menengah.

#### FOKUS 2020

1. *Professional Learning Community - Centre (PLC-C)* Program Pendidikan Inklusif (PPI) Model Holistik MBK di 533 buah sekolah rendah.
2. Program Promosi Orang Kurang Upaya (OKU) yang Mengikuti Pendidikan Formal Pada Peringkat Rendah dan Menengah.
3. Kursus Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) Guru Aliran Perdana Bagi Program Pendidikan Inklusif (PPI) Model Holistik Murid Berkeperluan Khas (MBK) Tahun 2020.
4. Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Khas (MBK) Tahun 2020.



# PENCAPAIAN

## Program Pendidikan Inklusif (PPI)

*Professional Learning Community - Centre (PLC-C)*  
Program Pendidikan Inklusif (PPI) Model Holistik MBK di 533 buah sekolah rendah ini merupakan salah satu strategi yang dijalankan bagi meningkatkan akses dan kualiti pendidikan MBK daripada peringkat prasekolah sehingga pendidikan lepas menengah seluruh negara bagi tahun 2020.



**Kursus Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) Guru Aliran Perdana bagi Program Pendidikan Inklusif (PPI) Model Holistik Murid Berkeperluan Khas (MBK)** tahun 2020 telah diadakan bagi memberi pendedahan asas berkaitan pengenalan Program Pendidikan Inklusif (PPI), senario PPI di Malaysia, ciri-ciri Murid Berkeperluan Khas (MBK), peranan pemegang taruh MBK dan kesedaran inklusif kepada para peserta dari kalangan guru arus perdana.

Hasil daripada **pelaksanaan PLC di 533 buah sekolah rendah di seluruh negara**, guru Pendidikan Khas telah berjaya diberi pendedahan mengamalkan budaya cara kerja melalui kaedah:

- Pengajaran bersama dengan rakan guru (*team teaching*)
- Tunjuk cara dalam pengajaran (*lesson demonstration*)
- Sistem sokongan rakan sekerja (*buddy support system*)
- Perkongsian pintar antara komuniti sekolah dengan komuniti di luar sekolah
- Pengajaran secara kolaboratif (*collaborative teaching*)



## PENCAPAIAN

### PERATUS KEBOLEHPASARAN MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)



### PERATUS MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK) BERADA DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (PPI)



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas

### PERATUS MBK LAYAK MENDAPAT SIJIL SPM

68.2% daripada 1,435 calon berkeperluan khas layak mendapat Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2020 berbanding 61.3% pada tahun 2019



Sumber: Lembaga Peperiksaan

### Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Khas (MBK) Tahun 2020

Mempergiatkan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam memastikan ruang dan peluang yang lebih luas disediakan bagi MBK.



## MELANGKAH KE HADAPAN

### Meningkatkan Akses Dan Kualiti Pendidikan MBK Menerusi Pemerkasaan Guru Dan Pemimpin Sekolah

- **program intervensi** kepada pemimpin sekolah dalam melaksanakan pendidikan inklusif;
- **peluasan Professional Learning Community** bagi PPI model holistik;
- penghasilan **modul latihan yang standard** dalam pendidikan khas;
- penghasilan **kerangka standard kompetensi umum pendidikan khas**; dan
- pelaksanaan **latihan saringan pengesahan awal ketidakupayaan** bagi guru prasekolah.

### Peluasan Program Transisi Kerjaya MBK

Kerjasama strategik bersama-sama pihak industri dan pelbagai agensi akan meningkatkan kebolehpasaran MBK sekali gus memberi peluang penempatan kerja atau menyambung pengajian. **Pencapaian 67.95%** bagi kebolehpasaran MBK pada tahun 2020 dalam situasi pandemik berbanding 30% pada tahun 2018, dianggap sebagai **satu indikator yang positif**.





## BAB 4

# MEMBANGUNKAN **NILAI,** **SAHSIAH** DAN **PERPADUAN**

## MURID MELALUI PENDIDIKAN

Identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara, diperlukan untuk kejayaan dan masa depan Malaysia. Setiap murid akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi.

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-11*

Inisiatif yang dilaksanakan bagi **aspirasi PERPADUAN:**



### 4.1 PEMBANGUNAN NILAI, SAHSIAH DAN PERPADUAN DI SEKOLAH



## 4.1 PEMBANGUNAN NILAI, SAHSIAH DAN PERPADUAN DI SEKOLAH



### PENGENALAN

Pembangunan nilai, sahsiah dan perpaduan dalam kalangan murid perlu seimbang dengan pembangunan intelek dan jasmani mereka bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia akan berkekalan di masa hadapan. Justeru, Anjakan Ke-3 dalam PPPM 2013 – 2025 menekan kepentingan untuk melahirkan masyarakat yang menghayati nilai.

Inisiatif ini memastikan semua murid dilengkapi dengan nilai dan sahsiah yang murni seawal peringkat prasekolah hingga mereka tamat persekolahan pada peringkat menengah. Pelbagai usaha dan intervensi dilaksana khusus untuk murid, guru dan pemimpin sekolah agar pembangunan nilai, sahsiah dan perpaduan ini berlaku secara holistik dan sistemik.

### FOKUS 2020

1. Program rintis khidmat masyarakat bagi elemen nilai dalam profil murid
2. Penurunan bilangan sekolah dalam kategori bermasalah disiplin tinggi
3. Pelaksanaan aktiviti utama dalam Pelan Hala Tuju Perpaduan



# PENCAPAIAN

## PROGRAM RINTIS KHIDMAT MASYARAKAT



Penataran maklumat telah diberikan kepada guru-guru

**NOTA:** Pelaksanaan rintis program khidmat masyarakat di sekolah yang berada di Selangor, Pahang dan Sabah tidak dapat dijalankan oleh murid akibat penangguhan aktiviti luar yang melibatkan murid demi keselamatan mereka susulan penularan pandemik Covid-19

Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

### Program Rintis Khidmat Masyarakat Bagi Elemen Nilai Dalam Profil Murid

Bilangan sekolah rintis bagi Program Khidmat Masyarakat dikurangkan daripada 18 buah kepada 6 buah sekolah kerana terdapat banyak sekolah berada dalam Zon Merah (kawasan yang mempunyai bilangan jangkitan positif COVID-19 yang tinggi).

#### BILANGAN SEKOLAH BERMASALAH DISIPLIN TINGGI (SBDT) MENGIKUT TAHUN (2016 HINGGA 2020)

599	655	630	261	41
sekolah	sekolah	sekolah	sekolah	sekolah
2016	2017	2018	2019	2020

Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

### Informasi

Program intervensi Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PSDM) bagi 261 buah sekolah tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2020 kerana aktiviti luar yang melibatkan murid tidak dibenarkan.



# PENCAPAIAN


## PELAKSANAAN AKTIVITI UTAMA DALAM PELAN HALA TUJU PERPADUAN

Pembangunan instrumen pengiktirafan kepada sekolah yang membudayakan perpaduan

Pelaksanaan latihan penerapan nilai perpaduan untuk Pengetua dan Guru Besar

Guru dan pentadbir sekolah sentiasa melaksanakan enam amalan berikut iaitu:

1. Menyanyikan Lagu Kebangsaan (Lagu Negaraku), dan
2. Lagu Negeri ketika perhimpunan,
3. mengadakan perhimpunan sekolah,
4. aktiviti sempena sambutan hari kemerdekaan peringkat sekolah,
5. membaca ikrar rukun negara ketika perhimpunan; dan
6. memberi penghargaan kepada murid dalam setiap program di sekolah.



Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

**Latihan Penerapan Nilai Perpaduan bagi 350 PGB telah dibuat secara dalam talian.**

Modul pedagogi penerapan nilai untuk PGB dan guru yang sepatutnya dirintiskan kepada 250 sekolah dan 621 PGB dan guru terpaksa dikurangkan kepada 20 buah sekolah dan 40 PGB dan guru. Modul latihan pedagogi penerapan nilai juga terpaksa diubah kaedah pelaksanaannya.



## MELANGKAH KE HADAPAN


**Program rintis khidmat masyarakat** yang telah ditangguhkan pada tahun 2020 berikutan pandemik Covid-19 akan dijalankan di 64 buah sekolah menengah yang berada di Selangor, Sabah dan Pahang pada tahun 2021.

**Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid** yang juga tertangguh pada tahun 2020 akan diteruskan bagi 130 buah sekolah dalam kategori bermasalah disiplin tinggi yang dijangka akan melibatkan 2,600 murid.

Bagi memastikan semangat perpaduan terus terlaksana di kalangan semua warga sekolah, **kajian Indeks Perpaduan** akan dilaksanakan pada tahun 2021 untuk **mengukur tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid**.

**Latihan Pedagogi Penerapan Nilai** akan dilaksanakan secara dalam talian dan akan melibatkan seramai **500 orang guru**.

Satu program baharu iaitu **Program Intervensi Minda Sejahtera Murid (PRISMA)** akan dilaksanakan melibatkan 1,500 murid yang berada dalam kelompok berisiko tinggi. Program ini bertujuan untuk **meningkatkan tahap kecekalan murid** ini yang sebahagian besarnya terkesan akibat pandemik Covid-19 dan disasarkan bagi murid daripada kumpulan keluarga B40.





## BAB 5

# MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM PENDIDIKAN

Kementerian akan memastikan pihaknya mempunyai kebolehan dan keupayaan menyediakan pelbagai jenis dan peringkat sokongan yang sesuai untuk sekolah dan murid. Usaha ini memerlukan transformasi asas dalam organisasi Kementerian bagi membangunkan JPN dan PPD yang lebih rapat dan lebih sesuai dalam memenuhi keperluan khusus sekolah.

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat 6-1*

Inisiatif yang dilaksanakan bagi **aspirasi KECEKAPAN:**



- 5.1 PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI SEMUA SEKOLAH**



- 5.2 PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN KPM**



- 5.3 PELAKSANAAN TRANSFORMASI ICT DAN PENINGKATAN PENGURUSAN DATA KPM**



## 5.1 PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI SEMUA SEKOLAH



### PENGENALAN

Sejak tahun 2019, Kementerian melaksanakan analisis skor gred impak yang mempunyai skala dengan 7 tahap sebagai penambahbaikan bagi menentukan tahap keadaan komponen fizikal atau fasiliti bangunan di sekolah. Melalui penilaian ini, Kementerian dapat menentukan keutamaan untuk melaksanakan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang tidak selamat digunakan. Tumpuan utama Kementerian adalah kepada bangunan yang berada pada skala 7 dan skala 6. Setelah dianalisis, bangunan daif ini akan dibaik pulih, dinaik taraf atau dibina bangunan gantian mengikut keperluan.

Tujuan utama inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk memastikan sekolah mempunyai kemudahan infrastruktur asas untuk penyampaian kurikulum dan pedagogi yang lebih berkesan. Di samping itu, ia juga bagi memastikan murid mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti melalui suasana pembelajaran yang kondusif tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis sekolah.

Dalam usaha untuk mencapai sasaran ini, Kementerian telah melaksanakan Program Naik Taraf dan Pembangunan Semula Sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara mulai tahun 2016. Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM3.018bilion untuk membangun semula dan menaik taraf 773 sekolah yang mempunyai bangunan daif dari tahun 2016 hingga 2020.

### FOKUS 2020

1. Projek pembangunan semula dan naik taraf sekolah daif
2. Penyelenggaraan unit kuarters guru





# PENCAPAIAN

# 33

projek pembangunan semula dan naik taraf sekolah daif berjaya disiapkan (3 Semenanjung, 2 Sabah dan 28 Sarawak) berbanding sasaran sebanyak 32 projek disiapkan.

# 7,130

unit kuarters guru berjaya diselenggara berbanding sasaran sebanyak 7,000 unit kuarters.

## BILANGAN PROJEK BANGUNAN DAIF YANG DILULUSKAN MENGIKUT TAHUN DAN NEGERI

2018

2019

2020

SABAH	120	22	<b>65</b>
SARAWAK	116	73	<b>52</b>
SEmenanjung	158	8	<b>19</b>
JUMLAH	<b>394</b>	<b>103</b>	<b>136</b>

Sumber: Bahagian Pembangunan

Previous

76

Next

## Informasi


Perancangan asal inisiatif terpaksa dikaji semula dan diubah semasa Kajian Pertengahan Tahun bagi memastikan pelaksanaan aktiviti yang berbaki setengah tahun akan dapat dijalankan bersesuaian dengan sumber yang ada.

Sasaran bagi **projek pembangunan semula dan naik taraf sekolah daif** telah diturunkan kepada **32** daripada 53; sementara unit kuarters guru telah dikurangkan daripada 15 ribu kepada **7 ribu**.





## MELANGKAH KE HADAPAN



Bagi tahun 2021, sebanyak 30 projek daif telah dikenal pasti dan dijangka dapat disiapkan. Sasaran ini adalah berdasarkan prestasi semasa projek yang sedang dilaksanakan serta mengambil kira keadaan semasa berikutan pandemik Covid-19. Projek tersebut merupakan projek di bawah Rolling Plan 4 (RP4), Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) tahun 2019 dan RP4, RMLT tahun 2020 yang telah diluluskan. Projek tersebut akan dilaksanakan oleh JKR Malaysia dan JKR Sarawak.

Bagi **meningkatkan lagi kecekapan Kementerian** dalam menguruskan infrastruktur di semua sekolah terutama dalam menaik taraf sekolah dengan bangunan daif, **perancangan infrastruktur secara berpusat dan menyeluruh perlu dibuat**. Untuk itu, data keadaan infrastruktur sekolah mengikut penanda aras yang ditetapkan perlu diperolehi untuk dijadikan sebagai *baseline* untuk memantau dan memastikan semua sekolah mempunyai kemudahan infrastruktur asas yang selamat untuk pembelajaran yang kondusif tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis sekolah.



## 5.2 PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN KPM



### PENGENALAN

Inisiatif Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekolah KPM adalah salah satu daripada inisiatif di bawah Anjakan ke-10 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Objektif inisiatif ini ialah untuk mengkaji semula kaedah sedia ada dalam pengagihan bantuan persekolahan KPM melalui pengurusan kewangan yang lebih strategik dan efisien bagi meningkatkan keberhasilan murid.

Salah satu daripada pencapaian inisiatif ini adalah pelaksanaan autonomi dalam kaedah pembiayaan bantuan persekolahan umum KPM yang telah bermula pada tahun 2020 secara berperingkat. Sekolah yang diberi autonomi bagi kohort pertama (2020-2022) dipilih berdasarkan laporan audit sekolah yang mencapai status audit cemerlang dan tidak berteguran. Sejumlah 937 buah sekolah telah dipilih untuk kohort pertama pada tahun 2020.

Semua sekolah yang terlibat telah diberikan satu surat punca dan garis panduan daripada KPM. Sekolah yang telah diberi autonomi dinilai setiap tiga tahun untuk pemberian autonomi bagi fasa tiga tahun yang berikutnya. Sepanjang tempoh tiga tahun tersebut, sekolah akan dipantau serta diberi bimbingan.

### FOKUS 2020

1. Pengoptimaan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima oleh sekolah melalui pelaksanaan autonomi dalam kaedah pembiayaan bantuan persekolahan umum KPM.
2. Autonomi yang diberi membolehkan sekolah membuat pindah peruntukan bantuan persekolahan umum KPM dengan kelulusan di peringkat sekolah sahaja dengan mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan.





## PENCAPAIAN

### Pengoptimaan Perbelanjaan Daripada Peruntukan Yang Diterima Oleh Sekolah Melalui Pelaksanaan Autonomi Dalam Kaedah Pembiayaan Bantuan Persekolahan Umum KPM



Pelaksanaan autonomi dalam pengurusan bantuan persekolahan umum KPM mula dilaksanakan di **937 sekolah** bagi kohort pertama pada tahun 2020.

### Autonomi Yang Diberi Membolehkan Sekolah Membuat Pindah Peruntukan Bantuan Persekolahan Umum KPM Dengan Kelulusan Di Peringkat Sekolah Sahaja Serta Mematuhi Garis Panduan Yang Ditetapkan



**Penataran** autonomi bantuan persekolahan umum KPM secara bersemuka dan dalam bentuk video melalui portal ePembelajaran Pembangunan Profesionalisme Berterusan IAB (eP@CPD)

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan





## MELANGKAH KE HADAPAN

### Informasi

Bantuan persekolahan umum KPM yang terlibat dalam pelaksanaan autonomi ini adalah:

- Bantuan Geran Per Kapita,
- Bantuan Geran Per Kapita Prasekolah,
- Yuran Khas Sekolah,
- Bantuan Kokurikulum Sekolah,
- Bantuan Kokurikulum Prasekolah,
- Bantuan Makanan Prasekolah,
- Bantuan Sukan Sekolah, dan
- Bantuan Bayaran Tambahan Persekolah.



**Pemantauan dan penilaian** dilaksanakan ke atas **pengurusan sekolah** bagi memastikan pelaksanaan autonomi dipraktikkan dengan baik dan berkesan.

**Bimbingan dan motivasi** diberikan kepada sekolah kohort pertama supaya terus kekal dalam kumpulan sekolah yang menerima autonomi, begitu juga kepada 2,211 sekolah yang berpotensi untuk perluasan pemberian autonomi dalam kohort seterusnya pada tahun 2023-2025.

Kementerian juga sedang menyemak semula kaedah pembentangan bagi bantuan persekolahan umum KPM dan akan mencadangkan **satu kaedah pembentangan baharu** yang lebih saksama untuk semua sekolah. Ia akan **mengambil kira** faktor-faktor yang bersesuaian dengan **keperluan sekolah** bagi meningkatkan keberhasilan murid seperti yang diharapkan dalam PPPM.





## 5.3 PELAKSANAAN TRANSFORMASI ICT DAN PENINGKATAN PENGURUSAN DATA KPM



### PENGENALAN

Pelan Transformasi ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)) telah mula dibangunkan sejak tahun 2018 dan telah dilancarkan pada Januari 2019. ITP merupakan pelan lima (5) tahun untuk mentransformasikan KPM agar menjadi Kementerian yang meneraju penggunaan ICT dalam menyokong keseluruhan ekosistem pendidikan merangkumi pendidikan peringkat prasekolah hingga pendidikan tinggi. Pelan ini merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu Aplikasi, Infrastruktur dan Model Operasi ICT.

Di samping Pelan Transformasi ICT, projek penambahbaikan Repositori Data Pendidikan dan Dashboard KPM merupakan satu lagi projek di bawah inisiatif Pelaksanaan Transformasi ICT dan Peningkatan Pengurusan Data KPM. Projek ini mensasarkan penambahbaikan repositori dari aspek penjanaan automasi buku statistik KPM iaitu Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia (BPPM) dan *Quick Facts* KPM dengan menggunakan SQL Server Reporting Services (SSRS). Penyelenggaraan berterusan yang selari dengan penambahbaikan sistem pangkalan data KPM perlu dilaksanakan bagi memastikan penjanaan laporan statistik ini dapat dimantapkan dan dikembangkan penggunaannya.


### FOKUS 2020

1. Pelan Transformasi ICT
2. Pembangunan Repositori Data Pendidikan KPM



# PENCAPAIAN

## Pelan Transformasi ICT



## Pembangunan Sistem Penjanaan Dua Laporan Pendidikan Utama

dari pada Repositori Data Pendidikan KPM siap sepenuhnya



Projek penambahan repositori Data Pendidikan KPM mensasarkan penjanaan automasi buku statistik KPM iaitu Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia (BPPM) dan Quick Facts KPM dengan menggunakan SQL Server Reporting Services (SSRS).

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat



## MELANGKAH KE HADAPAN

Selaras dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, dua (2) Teras Strategik dalam Dasar Pendidikan Digital KPM akan memberi tumpuan kepada pengukuhan infostruktur, infrastruktur dan kandungan digital yang mampan dan inklusif bagi menyokong Pendidikan Digital. Dua (2) Teras Strategik ini merangkumi enam (6) strategi utama seperti berikut:

memanfaatkan **teknologi digital** untuk **meningkatkan kecekapan** proses kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan digital KPM;



memanfaatkan **data** untuk **menambah baik perkhidmatan digital KPM** dan **pengalaman pengguna**;



menyediakan **akses** bagi setiap murid dan guru;



menyediakan **infrastruktur digital yang agile** dan **dinamik** di semua institusi pendidikan dan agensi KPM;



memperkasa **pelantar pembelajaran** untuk meningkatkan **pengalaman pengguna**;



memperkasa **kandungan digital** yang memenuhi **standard** dan keperluan kurikulum.



# **BAB 6 RINGKASAN PENCAPAIAN SEPANJANG GELOMBANG 2 PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025**




## 6.1 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM AKSES

Sumber:  
Bahagian  
Perancangan  
Dan  
Penyelidikan  
Dasar  
Pendidikan

### PERATUS ENROLMENT DARI PERINGKAT PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS


	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
<b>PRASEKOLAH</b>	<b>81.7%</b>	<b>84.2%</b>	<b>84.6%</b>	<b>85.5%</b>	<b>84.3%</b>	<b>85.4%</b>	<b>85.7%</b>	<b>83.5%</b>
<b>RENDAH</b>	<b>97.3%</b>	<b>97.9%</b>	<b>97.2%</b>	<b>97.2%</b>	<b>97.9%</b>	<b>97.9%</b>	<b>98.1%</b>	<b>98.2%</b>
<b>MENENGAH RENDAH</b>	<b>93.5%</b>	<b>92.5%</b>	<b>92.5%</b>	<b>95%</b>	<b>95.6%</b>	<b>95.3%</b>	<b>95.8%</b>	<b>95.3%</b>
<b>MENENGAH ATAS</b>	<b>84.4%</b>	<b>86.4%</b>	<b>85%</b>	<b>85.8%</b>	<b>86.6%</b>	<b>87.2%</b>	<b>88.8%</b>	<b>87.6%</b>

### PERATUS ENROLMENT MURID 15+ DALAM PENDIDIKAN VOKASIONAL



Sumber: Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

### KEBOLEHPASARAN GRADUAN KOLEJ VOKASIONAL



#### Sasaran Gelombang 2:

Menjelang 2020, semua Kolej Vokasional (KV) perlu menandatangani sekurang-kurangnya satu perjanjian strategik dengan rakan industri.

#### Pencapaian:

Se semua KV telah mempunyai perjanjian persefahaman dengan industri bagi tujuan *On Job Training* (OJT) sebagai syarat wajib bergraduat. Sejumlah **83 KV** telah menandatangani **2,142 MoU** bersama industri; 659 MoU (2013-2015) dan 1,483 MoU (2016-2020)

Sumber: Bahagian Pendidikan Latihan Teknik & Vokasional



## 6.2 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM KUALITI

### PENTAKSIRAN ANTARABANGSA



	MATEMATIK		BACAAN		SAINTIFIK	
	PURATA SKOR	PURATA OECD	PURATA SKOR	PURATA OECD	PURATA SKOR	PURATA OECD
2018	440	489	415	487	438	489
2012	421	494	398	497	420	501

Peningkatan  
**13%**  
purata merentas semua literasi



	MATEMATIK	SAINTIFIK
2019	461	460
2011	440	426

Purata skor murid di dalam TIMSS tidak mencapai pada skala Titik Tengah TIMSS pada purata skor 500

### KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI



## 6.2 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM KUALITI

### KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU




Dibangunkan bertujuan untuk mengadakan **piawaian bahasa Melayu** bagi menentukan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna sama ada penutur jati atau sebagai bahasa kedua.

**83 penyelidikan** berkaitan dengan KSBM berjaya dihasilkan dan telah dibentangkan dalam seminar, kongres dan kolokium KSBM.

Sumber: Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu

#### BAHASA MELAYU


Peratus kredit SPM



Sumber: Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu

#### BAHASA INGGERIS

Peratus lulus SPM




Sumber: English Language Teaching Centre

## 6.2 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM KUALITI

### KUALITI GURU

Jumlah pengambilan pelajar IPG dengan sekurang-kurangnya 5A dalam SPM



### Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (Leadership Course for Middle Leaders- LCML)

Kursus Kepimpinan untuk Pemimpin Pertengahan, Leadership Course for Middle Leaders (LCML) disediakan untuk membantu membangunkan kompetensi dan memperkasa Pemimpin Pertengahan.

Pemimpin pertengahan perlu memiliki pelbagai kompetensi seperti kemahiran komunikasi, proaktif, orientasi pencapaian, kerja sepasukan, kreativiti dan inovasi, berfokuskan kurikulum, membangun kapasiti, perkongsian ilmu, menyelesaikan masalah dan mengurus perubahan. Pada masa yang sama Pemimpin Pertengahan perlu bijak dalam pengurusan diri (managing self), pengurusan tugas-tugas utama (managing task) dan pengurusan pasukan (managing people).

Pada tahun 2016 - 2020 seramai 1,647 orang pemimpin pertengahan telah dilatih.


*Sumber: Institut Aminuddin Bakri*

\*Inisiatif telah mencapai KPI yang disasarkan

## 6.2 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM KUALITI

### PEMIMPIN SEKOLAH

Mencapai sekurang-kurangnya Gred 4 dalam NPQEL




Dalam pelaksanaan Program Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) dari tahun 2018 hingga 2020, semua peserta program telah mencapai sekurang-kurangnya Tahap 4 dalam keseluruhan kompetensi yang ditaksir (100% peserta melepasinya tahap piawai kompetensi)



Pencapaian proses peralihan silih ganti (*back to back*) pemimpin sekolah pada tahun 2020 iaitu sebanyak 90.35% menunjukkan peningkatan berbanding pencapaian tahun 2016 sebanyak 67.9%

### PEMIMPIN SEKOLAH

Proses peralihan silih ganti (*back to back*)




\*Inisiatif telah mencapai KPI yang disasarkan



## 6.3 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM EKUITI


### JURANG PENCAPAIAN GRED PURATA SPM BANDAR DAN LUAR BANDAR

Jurang Merapat

**37.7%**


### PERATUS PENCAPAIAN LAYAK SIJIL SPM

Peningkatan

**4.45%**


### JURANG PERATUS LAYAK SIJIL SPM MENGIKUT JANTINA

Jurang Merapat

**8.89%**


### JURANG PERATUS LAYAK SIJIL SPM MENGIKUT STATUS SOSIOEKONOMI

Jurang Merapat

**0.22%***Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian*


## 6.3 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM EKUITI

### ENROLMEN MBK DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF



Sumber:  
Bahagian  
Pendidikan  
Khas

### KEHADIRAN MURID ORANG ASLI



Sumber:  
Bahagian  
Pengurusan  
Sekolah  
Harian

## 6.4 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM PERPADUAN

### TAHAP PERPADUAN DALAM KALANGAN GURU DAN MURID

Indeks Perpaduan

2014

2018

6.9

5.4



### PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI MURID

Sekolah bermasalah disiplin tinggi



2020: \***41** SEKOLAH

2016: **599** SEKOLAH

\*Pencapaian KPI 2020 tidak menunjukkan keadaan sebenar kerana ujian urin tidak dapat dijalankan sepenuhnya dan tempoh masa murid berada di sekolah berkurangan kerana pandemik Covid19.

### PENGURUSAN PERPADUAN DI SEKOLAH

Skor SKPMg2 aspek 2.6: Pengurusan Perpaduan



Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum Dan Kesenian



## 6.5 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM KECEKAPAN

### STATUS PELAKSANAAN NAIK TARAF SEKOLAH DAIF 2016 HINGGA 2020

**773**  
projek telah dikenal pasti



**554**  
projek  
(71.7%)  
selesai dinaik taraf



**74**  
projek  
(9.6%)  
dalam pelaksanaan



**145**  
projek  
(18.7%)  
pra-bina

### BILANGAN PROJEK BANGUNAN DAIF YANG DILULUSKAN MENGIKUT TAHUN DAN NEGERI

	2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH
<b>SABAH</b>	0	30	120	22	65	<b>237</b>
<b>SARAWAK</b>	20	30	116	73	52	<b>291</b>
<b>SEMPENA NJUNG</b>	0	60	158	8	19	<b>245</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>120</b>	<b>394</b>	<b>103</b>	<b>136</b>	<b>773</b>

Sumber: Bahagian Pembangunan

## 6.5 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM KECEKAPAN

### CAPAIAN INTERNET SEKOLAH MENGIKUT TEKNOLOGI

sebanyak 10,203 buah sekolah telah disediakan \*capaian Internet interim dengan pelbagai teknologi mengikut kesesuaian infrastruktur capaian Internet di lokasi sekolah berkenaan.

**BROADBAND** 30MBps




**FIBER** 100MBps



**VSAT** 2MBps



**VSAT** 30MBps




\*Capaian Internet Interim - Perkhidmatan capaian Internet yang disediakan kepada sekolah susulan projek 1BestariNet tamat kontrak.

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat

### PELAN TRANSFORMASI ICT KPM

Status pelaksanaan sehingga 2020



**28%** pelaksanaan inisiatif Pelan Transformasi ICT yang dijangka selesai pada 2023

Pelaksanaan Model Data dan Kamus Data KPM yang standard bagi memudahkan perkongsian data di KPM

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat



Platform pembelajaran digital DELIMA (*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*) dilancarkan pada Jun 2020 sebagai satu pelantar sehenti untuk semua keperluan pendidikan digunakan dengan meluas oleh murid dan guru

[www.delima.edu.my](http://www.delima.edu.my)

## 6.5 PENCAPAIAN UTAMA: ASPIRASI SISTEM KECEKAPAN



### PENSTRUKTURAN SEMULA KEMENTERIAN

#### Program Pembangunan Kepimpinan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

Program Pembangunan Kepimpinan PPP memfokuskan kepada pengembangan *Talent Pool* melalui Profil Kepimpinan dan Pembangunan Kepimpinan secara *Coaching & Mentoring* dirancang dengan fokus untuk mengenal pasti dan membangunkan potensi pegawai JPN dan PPD.

Bermula tahun 2017 sehingga 2020, 247 orang pegawai JPN dan PPD di seluruh negara dimasukkan dalam program yang terdiri daripada sesi *Coaching & Mentoring* bersemuka yang dikendalikan oleh 20 jurulatih

Sumber: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia



**FUNGSI DAN PERANAN  
UNIT PELAKSANAAN DAN PRESTASI PENDIDIKAN (PADU)**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Maklumat Lanjut**



## PERANAN KAMI

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau *Education Performance and Delivery Unit* (PADU) berperanan memacu pelaksanaan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merentas Kementerian dan sekolah.

Secara khususnya, PADU akan memantau kemajuan, menyelesaikan isu pelaksanaan dengan pegawai bertanggungjawab dan mengurus komunikasi bersama-sama pihak berkepentingan berkaitan transformasi pendidikan.

## MATLAMAT PADU

Memahami prestasi terkini dan cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan dengan tujuan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), menghapuskan jurang pencapaian (ekuiti), memupuk perpaduan antara murid, dan memaksimumkan kecekapan sistem.

Mewujudkan suatu visi dan aspirasi yang jelas bagi murid secara individu dan sistem pendidikan negara secara menyeluruh bagi tempoh 13 tahun.

Menggariskan suatu program transformasi yang komprehensif dan menyokong transformasi penjawat awam secara menyeluruh yang akan membolehkan Kementerian memenuhi permintaan baharu dan harapan pihak awam yang semakin mencabar.

## TUGAS KAMI

Kami adalah rakan yang dipercayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merealisasikan pelaksanaan pelan pendidikan kepada keberhasilan yang dihasratkan, dan bertanggungjawab untuk:

- memudah cara, menyokong, dan merealisasikan visi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mentransformasikan sistem pendidikan Malaysia,
- bekerjasama dengan Kementerian untuk membangunkan pelan pelaksanaan bagi memastikan penambahbaikan berterusan terhadap kualiti sistem pendidikan di Malaysia,
- memastikan keberkesanannya penyampaian strategi,
- mengawal selia pelaksanaan inisiatif PPPM,
- mengurus kebergantungan pihak berkepentingan, dan
- memperkenalkan pendekatan baharu yang bertujuan agar mendorong sistem pendidikan Malaysia menjadi lebih berdaya saing di peringkat global.

PADU terus memberikan nilai tambah kepada Kementerian, terutama dalam memupuk perubahan budaya agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan

### BUDAYA KERJA YANG BERBEZA

- Peranan dan fungsi yang diharapkan dalam melaksana pelan kerja PADU
- Pendekatan yang diambil untuk mencapai hasil tersebut dilakukan secara berbeza

### PENJIMATAN

- Penjimatan yang dicapai walaupun dalam skop pelaksanaan yang sama
- Penghindaran kos pelaksanaan dengan menggunakan kepakaran dalam

### MELANGKAUI BATASAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- Melangkaui perancangan dalaman serta tugas hakiki
- Penyampaian yang memberikan impak signifikan



### PENGIFTIRAFAN

- Pengiktirafan PADU dari dalam dan luar negara



## BUDAYA KERJA YANG BERBEZA

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) telah diwujudkan oleh Kementerian bagi memastikan segala inisiatif dalam PPPM 2013-2025 dapat dilaksana dengan lebih cekap dan berkesan. Atas mandat tersebut, PADU sentiasa memainkan peranan dan fungsi seperti yang diharapkan dalam melaksana setiap tugas yang diberikan. Di samping itu, PADU juga sentiasa menggunakan pendekatan yang berbeza bagi memastikan dan mencapai hasil seperti yang diharapkan antaranya adalah mewujudkan Dashboard pemantauan PPPM serta Pusat Sehenti melalui MS Teams dan menjalankan latihan serta bengkel *Design Thinking* bagi mencetus kaedah berfikir dan berinovasi cara baharu.

## MELANGKAUI BATASAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Dalam usaha menyokong Kementerian demi mencapai aspirasi PPPM, gerak kerja PADU juga melangkaui tugas hakiki demi memastikan penyampaian memberikan impak yang signifikan. Selain menumpukan usaha dan tenaga terhadap transformasi pendidikan, PADU juga sering diberi tugas yang merentas bahagian, kementerian dan organisasi. Contohnya PADU pernah dilantik sebagai Penyelaras Tawaran Baharu Kluster Sosial, Perunding Komunikasi bagi Jawatankuasa Pemerkasaan TVET (JKPTVET) dan Pasukan Petugas Khas untuk Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN). Selain itu, PADU juga sering menyediakan konsultasi IT untuk inisiatif di bawah PPPM.



## PENGIKTIRAFAN

Peranan serta fungsi PADU dalam transformasi pendidikan Malaysia juga telah menjadikan PADU sebagai tempat rujukan utama bagi negara luar yang ingin melakukan perubahan terhadap sistem pendidikan negara. PADU telah terlibat dalam sesi perkongsian dan pertukaran maklumat bersama-sama kementerian dari negara dan agensi luar. Selain itu, PADU juga telah mendapat pengiktirafan agensi antarabangsa seperti Anugerah BETT ASIA 2019 dan merupakan antara sepuluh finalis bagi Anugerah Perhubungan Awam Asia. Anugerah Mike Nichols pada tahun 2017 daripada APM merupakan satu anugerah berprestij yang diberikan sebagai pengiktirafan kepada projek, program dan organisasi yang memberi inspirasi serta sumbangan dalam transformasi yang berjaya merubah masyarakat dan dunia.



## PENJIMATAN

PADU sentiasa menitikberatkan pulangan pelaburan bagi setiap perbelanjaan yang dibuat Kementerian ke atas inisiatif di bawah PPPM. Justeru, penjimatan kos juga merupakan satu acara tahunan yang dilakukan tanpa mengkompromi kualiti serta kuantiti skop pelaksanaan inisiatif. Latihan penjimatan ini sering dijalankan bagi menyokong efisiensi pasukan inisiatif dan mencari jalan penyelesaian dengan menggunakan kepakaran dalaman PADU seperti sokongan IT bagi Kementerian dan penerbitan Laporan Tahunan PPPM.

LAPORAN TAHUNAN **2020**



# GLOSARI

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025



# GLOSARI

LAPORAN TAHUNAN 2020

<b>BBM</b>	Bahan Bantu Mengajar
<b>BI</b>	Bahasa Inggeris
<b>BM</b>	Bahasa Melayu
<b>BM</b>	Bahagian Matrikulasi
<b>BPPM</b>	Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia
<b>CEFR</b>	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>
<b>DLP</b>	Program Dwi-bahasa
<b>DSKP</b>	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
<b>DTP</b>	Program Transformasi Daerah
<b>ELTC</b>	<i>English Language Teaching Centre</i>
<b>eP@CPD</b>	ePembelajaran Pembangunan Profesionalisme Berterusan
<b>ETL</b>	<i>Extract, Transform And Load</i>
<b>HIP</b>	Program Imersif Tinggi
<b>IAB</b>	Institut Aminuddin Baki
<b>IKPSI</b>	Inventori Kesejahteraan Psikologi
<b>IPG</b>	Institut Pendidikan Guru
<b>ISM</b>	Indeks STEM Murid
<b>ITP</b>	Pelan Transformasi ICT <i>ICT Transformation Plan</i>
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>JPN</b>	Jabatan Pendidikan Negeri
<b>JU</b>	Jurulatih Utama
<b>KBAT</b>	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KSBM</b>	Kerangka Standard Bahasa Melayu
<b>KSSM</b>	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
<b>KSSR</b>	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
<b>KTE</b>	Kolej Tingkatan Enam
<b>KV</b>	Kolej Vokasional
<b>LCML</b>	Program Kepimpinan Pemimpin Pertengahan <i>Leadership Course For Midle Leaders</i>
<b>MBK</b>	Murid Berkeperluan Khas
<b>MPV</b>	Mata Pelajaran Vokasional
<b>NGO</b>	Agensi Bukan Kerajaan
<b>NPQEL</b>	Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan <i>National Profesional Qualification For Educational Leaders</i>
<b>OKU</b>	Orang Kurang Upaya
<b>PADU</b>	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
<b>PBD</b>	Pentaksiran Bilik Darjah
<b>PCIP</b>	Pimpinan Cemerlang Institusi Pendidikan

<b>PdP</b>	Pengajaran dan Pembelajaran
<b>PDPM</b>	Program Diploma Perguruan Malaysia
<b>PdPR</b>	Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah
<b>PGB</b>	Pengetua dan Guru Besar
<b>PISA</b>	<i>Programme for International Students Assessment</i>
<b>PISP</b>	Program Ijazah Sarjana Perguruan
<b>PKL</b>	Pentaksiran Kompetensi dan Literasi
<b>PKP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>PKPPD</b>	Penarafan Kecemerlangan PPD
<b>PLaN</b>	Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah
<b>PLC</b>	Komuniti Pembelajaran Profesional <i>Profesional Learning Community</i>
<b>PLC-C</b>	<i>Professional Learning Community - Centre</i>
<b>PPB</b>	Pembangunan Profesional Berterusan
<b>PPB</b>	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
<b>PPD</b>	Pejabat Pendidikan Daerah
<b>PPI</b>	Program Pendidikan Inklusif
<b>PPKBIS</b>	Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah
<b>PPP</b>	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
<b>PPPC</b>	Program Pendidikan Pintar Cerdas
<b>PPPM</b>	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
<b>PRISMA</b>	Program Intervensi Minda Sejahtera Murid
<b>Pro-ELT</b>	<i>Professional Up-skilling of English Language Teachers</i>
<b>ProPeKS</b>	Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah
<b>PSDM</b>	Pembangunan Sahsiah Diri Murid
<b>PSMC</b>	Program Sifar Murid Cicir
<b>PESTMN</b>	Putus STEM Negara
<b>RMLT</b>	Rancangan Malaysia Lima Tahun
<b>SBDT</b>	Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi
<b>SOP</b>	Prosedur Operasi Standard
<b>SPLKPM</b>	Sistem Pengurusan Latihan KPM
<b>SSRS</b>	<i>Sql Server Reporting Services</i>
<b>STEM</b>	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
<b>TIMSS</b>	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
<b>TP3</b>	Tahap Penggunaan 3
<b>TVET</b>	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional <i>Technical and Vocational Education and Training</i>
<b>UKM</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>UPSR</b>	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2021  
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang  
mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan  
buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama  
ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara  
lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian  
Pendidikan Malaysia.

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025  
Laporan Tahunan 2020  
Julai 2020  
ISSN : 0128-0295

Diterbitkan oleh:  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Blok E8, Parcel E, Presint 1  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604, Putrajaya, Malaysia  
[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

---

**Kementerian Pendidikan Malaysia**  
Blok E8, Parcel E, Presint 1  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604, Putrajaya, Malaysia

---

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

---